ثتيقن تيته
PETIKAN TITAH
"SESEORANG yang memiliki etika kerja yang sihat, mampu untuk bekerjasama secara sihat pula, tanpa membeza-beza status sosial dan bangsa, serta pandai menghormati orang lain."
- Titah sempena Sambutan Hari Polis Pasukan Polis Diraja Brunei, Negara Brunei Darussalam Ke-96 Tahun 2017 pada 21 Jamadilawal 1438 Hijrah / 18 Februari 2017 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita Brunei
Hujung Minggu
قلبريتا برونى
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN
"DAN kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami timpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'raf, ayat 96.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 24 | 25 FEBRUARI 2017 / 1438 جمادى الأول 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

Realisasikan Wawasan Negara dengan penuh komitmen

منجايakن واوسن نڬارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
25 Februari 2017

- INTISARI TITAH -

- Realisasikan tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035
- Laksanakan wawasan penuh komitmen bagi menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara
- Bersatu padu kunci kejayaan Wawasan Brunei 2035
- Sektor kerajaan dan swasta mustahak bekerja dalam satu pasukan
- Mekanisme 'korup' atau rasuah menjerumus negara kepada keburukan
- Pengisian Sambutan Hari Kebangsaan wajar bersifat ilmiah dan bercorak inklusif serta mampu merentasi semua generasi
- Kemerdekaan sebahagian sejarah bangsa dan 'mahkota' bangsa

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, Wawasan Brunei 2035 tidak wajar dibiarkan sebagai satu retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan, tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh.

"Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 2017 di Istana Nurul Iman, di sini.

Bagi merealisasikan tiga matlamat utama Wawasan Negara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan Kerangka Kerja, antara lain, menggariskan bidang-bidang utama yang perlu diberikan perhatian serta ke arah pencapaian hasil-hasil yang perlu dicapai.

Peneraju-peneraju bagi setiap strategi titah baginda, juga telah dilantik.

Untuk semua itu, baginda menyeru agar kita terlebih dahulu bersatu padu, jangan berpecah-belah dan pastikan semua usaha yang dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa kerana itulah rahsia atau kunci kejayaan bagi Wawasan Negara 2035.

Ke muka 3

Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Ke-33 penuh gilang-gemilang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima tabik hormat perbarisan lalu daripada para peserta perbarisan pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien - Foto : Masri Osman (*Lihat muka 5, 6, 12 dan 13*).

Kuota jemaah haji seramai 1,000 orang

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Berikutan Pertemuan Tahunan Konsultasi Pengurusan Haji Tahunan Peringkat Menteri antara Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Haji dan Umrah, Kerajaan Arab Saudi yang diketuai oleh Menteri masing-masing pada hari Khamis, 16 Februari 2017 di Jeddah, Arab Saudi, maka Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan bahawa dengan persetujuan Kerajaan Arab Saudi menerusi Kementerian Haji dan Umrahnya, kuota rasmi jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi Musim Haji Tahun 1438H / 2017M adalah ditetapkan seramai (1,000) seribu orang.

IKUTI KAMI DI
infodept.bn
@Infodept_bn
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Pasar Pelbagai Barangan Gadong

Lambang keprihatinan Kebawah DYMM kepada rakyat

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul bersama-sama pada petang ini.

Sebelum memulakan ucapan peramba, kaola, saya yang seterusnya, marilah kita semua yang hadir bersama-sama menjunjung kasih ke atas perhatian berat, keikhlasan dan keprihatinan (KE-PE-RI-HA-TI-NAN) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas Projek Julangan Titah Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Justeru itu juga, peramba / kaola / saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa Projek Julangan Titah Pasar Pelbagai Barangan Gadong yang terdiri daripada pihak kakitangan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri dan yang diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih atas usaha kerja keras dan titik peluh mereka tanpa mengira masa bagi menjayakan projek pengubahsuaian dan pembukaan rasmi 'Julangan Titah' Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Projek pengubahsuaian 'Julangan Titah' Pasar Pelbagai Barangan Gadong ini merupakan pemedulian Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap permasalahan peniaga-peniaga di Pasar Pelbagai Barangan Gadong ini. Setentuya ini selari dengan misi kerajaan bagi membangun Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dan oleh yang demikian, ini dengan sendirinya akan menyumbang kepada kemakmuran orang ramai dan kestabilan negara selaras dengan hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya sokongan padu yang lahir daripada sifat pemedulian dan perhatian berat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pasar yang telah diubah suai ini insyaaAllah akan memastikan suasana jual beli yang lebih selesa di mana isu-isu lama seperti kekurangan pendapatan dan persekitaran yang kurang selesa diharap akan ditangani dan tidak akan timbul lagi.

Peramba / kaola / saya terdengar sejak pemindahan semula ke tapak yang asal, walaupun bukan di tempat yang sama, serba sedikit telah dapat meningkatkan pendapatan

MENTERI Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa berucap pada Mailis Pembukaan Rasmi 'Julangan Titah' Pasar Pelbagai Barangan Gadong pada hari Khamis, 5 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan 2 Februari 2017 Masihi di Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

para peniaga-peniaga. InsyaaAllah, lokasi yang asal berserta dengan kemudahan-kemudahan yang tersedia akan menggalakkan lebih ramai pelanggan berkunjung ke pasar ini dan setentunya akan meningkatkan pendapatan peniaga-peniaga.

Dari segi ini terpapar pandangan jauh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengambil kira keperluan para peniaga, bukan sahaja dari segi jasmani, namun keperluan rohani juga tidak lepas dari pandangan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan adanya peruntukan sebuah surau agar para peniaga dan pelanggan tidak ketinggalan menunaikan amal ibadat seperti yang kita telah sama-sama lakukan tadi bagi Solat Berjemaah Fardu Asar.

Dalam urusan perniagaan ini, kita perlu mengingati nilai-nilai murni ajaran Islam, termasuk kepentingan menjaga kebersihan dan kesucian serta integriti. Nilai-nilai ini harus diterapkan sebagai satu *best practice* yang jelas dari segi persekitaran berniaga, penyediaan makan minum, dan tempat hidangan di pasar ini.

Amalkanlah juga nilai-nilai teras, tulus, dan jujur dalam perniagaan anda, termasuk dalam memenuhi amanah dengan mematuhi syarat-syarat perjanjian yang telah dimeterai antara pihak peniaga dan Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi perniagaan di pasar ini pada 31 Januari 2017.

Alhamdulillah hari ini, melalui skim yang dikelolakan oleh pihak Darussalam Enterprise (DARe), seramai 16 perusahaan yang beroperasi di pasar ini akan menerima pembiayaan kewangan melalui Skim Mikro Kredit. DARe merupakan sebuah badan berkanun yang bertujuan untuk memupuk dan mendukung perusahaan tempatan dalam pelbagai peringkat pertumbuhan. Selain Skim Mikro Kredit ini, pihak DARe juga akan menawarkan *co-matching grant* bagi memberikan apa-apa lagi suntikan modal tambahan. Setakat ini masih ada peluang bagi 159 perusahaan untuk menerima bantuan kewangan bagi lebih menjana pertumbuhan perusahaan mereka terutamanya perusahaan *start-up.*

Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan agensi-agensi seperti DARe akan sentiasa berusaha dengan gigih untuk meluaskan akses sokongan bagi terus menjana landskap keusahawanan tempatan.

Akhir sekali, peramba / kaola / saya ucapkan selamat berniaga kepada para peniaga sekalian, antaranya 36 peniaga graduan kita yang berijazah sarjana dan sarjana muda. Ini menunjukkan bahawa orang Brunei tidak lagi memilih kerja dan berani menceburi bidang keusahawanan yang semakin diminati dan dihormati. Peramba / kaola / saya amat berbangga dengan graduan-graduan ini akan mula berniaga dari peringkat akar umbi dan berharap dengan pengalaman ini, mereka akan melahirkan generasi *entrepreneurs* yang berdisiplin baik dan menjana ekonomi negara di masa akan datang. Kekalkanlah identiti cara berniaga keBruneian zaman-berzaman dan sama-samalah kita memohon doa dan restu kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar perniagaan semua ahli penjaga akan berdaya tahan dan sentiasa dilimpahkan rezeki.

Akhirnya, marilah kita sama-sama sekali lagi menjunjung kasih di atas perhatian berat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat. Marilah kita sebagai rakyat terus menerus mendukung nilai-nilai murni prinsip Melayu Islam Beraja dan pada masa yang sama mengambil peluang ini untuk merakamkan rasa syukur ke atas kebijaksanaan dan kemurahan hati Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Marilah kita semua sama-sama mendoakan semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja akan sentiasa berada dalam kebahagiaan, sihat walafiat dan di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin, amin, Ya Rabbal Alamin.

Ke muka 8

Dari Sidang Pengarang

25 FEBRUARI 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الأول 28

TERAPKAN SEMANGAT PATRIOTISME

MESKIPUN cuaca kurang mengizinkan dengan turunnya hujan dari awal pagi, namun ia tidak pernah melunturkan dan mematahkan semangat patriotisme 133 buah pasukan yang melibatkan 23,000 peserta termasuk Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-Bendera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Beruniform, Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pasukan Orang-Orang Berkeperluan Khas, Pasukan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan di ibu negara untuk sama-sama menunjukkan taat setia dan hormat kepada raja serta negara dengan mengambil bahagian dalam Upacara Perhimpunan dan Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang diadakan pada 23 Februari lalu di Taman Sir Muda Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Malahan semangat terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda untuk menyertai rakyat serta penduduk di negara ini ke upacara yang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Menyentuh mengenai tema sambutan, "Pada tahun ini, kita menyambutnya dengan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tema ini sangatlah bersesuaian setelah tiga tahun berturut-turut kita memakai 'Generasi Berwawasan'," titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 2017 di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM bertitah, kita tidaklah wajar membiarkan wawasan ini sebagai retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan. Tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh.

Selain itu, Kebawah DYMM juga bertitah mengingatkan bahawa kemerdekaan adalah sebahagian daripada sejarah bangsa, dan malah merupakan 'mahkota' bangsa.

Titah baginda, mencuaikan kemerdekaan bermakna mencuaikan sejarah serta sekali gus 'menyambaranakan' mahkota bangsa.

Sehubungan itu, negara kita sekali lagi mencatat sejarahnya dengan mengadakan Upacara Perhimpunan dan Perbarisan yang mana dimulai dengan Upacara Perbarisan Lalu di hadapan Pentas Diraja.

Persembahan 'Bicara Berirama' yang disertai seramai 433 peserta dari Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Haji Muhammad Jaafar Maun, Kiulap; Sekolah St. George's dan pelatih-pelatih PKBN Pengambilan Ke-6 juga turut diadakan.

Persembahan ini menekankan peranan generasi muda yang terdiri dari kanak-kanak dan belia dalam melengkapkan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah DYMM, Ikrar Hari Kebangsaan turut dilafazkan dan laungan takbir 'Allahuakbar' juga dilaungkan sebanyak tiga bagi menyemarakkan lagi sambutan.

Rakyat dan penduduk di negara ini juga berpeluang menyaksikan Persembahan Tema 'Menjayakan Wawasan Negara' yang dipersembahkan oleh seramai 6,833 peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia yang mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Persembahan Tema ini membawa segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, di mana di dalamnya dipersembahkan sub-tema persembahan, iaitu peranan pelbagai lapisan masyarakat dalam menjayakan Wawasan Negara 2035.

Sehubungan itu, tema 'Menjayakan Wawasan Negara' menyifatkan pandangan Kebawah DYMM yang jauh ke hadapan memastikan negara ini dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan. **- Ketua Penyuntingan (Hs).**

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	SABTU	28	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43
26	AHAD	29	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	ISNIN	30	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	SELASA	1 JAMADILAKHIR	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	RABU	2	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	KHAMIS	3	5.05	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43
3	JUMAAT	4	5.05	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
991	993	995	998	123	2380214

Pengisian Sambutan Hari Kebangsaan wajar bersifat ilmiah

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Semua pengisian program Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah wajar bersifat ilmiah dan bercorak inklusif serta mampu untuk merentasi semua generasi akan dapat memahami erti kemerdekaan.

"Tujuan kita dengan ini, ialah supaya semua peringkat, secara sambung bersambung, akan dapat memahami erti sebenar kemerdekaan," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 2017 di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menyarankan agar pengisian Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini sebaiknya lebih menekankan kepada pembentukan sifat-sifat dalaman yang sihat, seperti jujur, amanah dan setia.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 2017 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Tanpa semua sifat-sifat itu, jelas baginda, jentera kehidupan atau jentera pentadbiran tidak akan dapat berjalan baik, bahkan sebaliknya boleh bermasalah dan lemah.

Maka dengan itu, baginda bertitah, barulah nanti akan diharapkan semua pihak khasnya para generasi yang menyusul kemudian, akan benar-benar terikat kepada menghargai dan menyayangi kemerdekaan.

"Seyogia diingat, bahawa kemerdekaan adalah sebahagian dari sejarah bangsa, dan malah merupakan 'mahkota' bangsa. Mencuaikan kemerdekaan bermakna mencuaikan sejarah, serta sekali gus 'menyambaranakan' mahkota bangsa," tegas baginda.

Dalam titah perutusan, baginda juga merakamkan ucapan penghargaan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 pada tahun ini.

Seterusnya baginda juga merakamkan ucapan penghargaan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, meliputi juga mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta sambil berdoa, kita dan negara akan sentiasa terpelihara dan mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Realisasikan Wawasan Negara dengan penuh komitmen

Dari muka 1

"Ini, meliputi untuk semua, sama ada sektor kerajaan mahupun swasta adalah mustahak untuk memupuk kerjasama dan persefahaman, dalam makna, semua kita adalah dikehendaki untuk bekerja dalam satu pasukan tanpa melakukan perkara-perkara yang menyalahi peraturan atau undang-undang.

Walaupun kita sudah memiliki infrastruktur, teknologi, peralatan, mekanisme dan sistem yang baik, namun tegas baginda, jika 'dalaman' kita tidak baik, maka hasilnya tetap tidak baik juga.

Baginda seterusnya memberi contoh, apabila di dalam kerajaan terdapat mekanisme yang 'korup' atau rasuah, maka sekalipun ianya dari kalangan ilmuwan dan mempunyai kemahiran tinggi, namun sikapnya yang sedemikian itu tidak akan menolong untuk membawa kebaikan malah sebaliknya menjerumuskan negara kepada keburukan.

Tegas baginda, perkara itulah yang perlu kita kawal untuk mengelakkan negara dari mengalami perkara-perkara yang tidak diingini.

"Kita sudah melihat atau mendengar, banyak kejadian yang tidak diingini berlaku di mana-mana, seperti amalan-amalan pecah amanah, rasuah dan lain-lain. Kita juga turut mengetahui, bahawa tempat-tempat yang dilanda oleh gejala-gejala seperti ini tidak sunyi dari mengalami pelbagai kesusahan," titah baginda.

Oleh itu, Negara Brunei Darussalam, titah baginda, mestilah selalu berwaspada sambil mengambil iktibar daripadanya.

Terdahulu, dalam titah baginda telah menyentuh mengenai dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini 'Menjayakan Wawasan Negara', yang mana tema berkenaan sangat bersesuaian setelah tiga tahun berturut-turut menggunakan tema 'Generasi Berwawasan'.

Kebawah DYMM berkenan menghantar perutusan tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan kepada Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan kepada Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah dan kerajaan serta rakyat Kuwait sempena dengan Hari Kebangsaan Kuwait.

Dalam titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan kegembiraan dapat mengalu-alukan keberangkatan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait semasa mengadakan Lawatan Negara ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober yang lepas.

Kebawah DYMM penuh yakin Perjanjian dan Memorandum-Memorandum Persefahaman (MoUs) yang telah ditandatangani semasa keberangkatan Lawatan Negara His Highness itu akan meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Sementara itu, dalam titah perutusan tahniah yang sama kepada Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah, Kebawah DYMM amat menghargai hubungan yang erat dan kerjasama yang bernilai di antara kerajaan dan rakyat kedua-dua buah negara dan berharap akan dapat mengukuhkan lagi hubungan yang telah sekian lama wujud pada tahun-tahun mendatang.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tahniah tersebut, Kebawah DYMM berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait dan ahli kerabat diraja dan juga Perdana Menteri Kuwait, His Highness Sheikh Jaber Mubarak Al-Hamad Al-Sabah akan sentiasa berada di dalam sihat sejahtera dan kegembiraan, serta Negara Kuwait dan rakyatnya sentiasa menikmati keamanan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Kebawah DYMM berangkat ke majlis kesyukuran

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33, Tahun 1438H / 2017M.

Berangkat sama, ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Sejurus keberangkatan baginda dan kerabat diraja yang lain, Azan Maghrib telah dilaungkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.

Kebawah DYMM kemudian menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Ia diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang kemudiannya memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sementara itu, Azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan majlis.

ANTARA orang ramai yang hadir semasa Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438H / 2017M (kiri dan kanan).

Majlis kesyukuran tersebut juga telah diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait pula ialah di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Sementara itu, bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Lebih 6,000 peserta warnai Persembahan Tema Menjayakan Wawasan Negara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam gembira menyaksikan persembahan yang membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara' semasa Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Acara Kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara diwarnai dengan Persembahan Tema 'Menjayakan Wawasan Negara' yang dijayakan oleh 6,833 peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk para pelajar sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Persembahan Tema membawa segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, di mana di dalamnya dipersembahkan sub-tema persembahan, iaitu Peranan pelbagai lapisan masyarakat dalam menjayakan Wawasan Negara 2035.

Sinopsis Persembahan Tema membawa para penonton untuk menghayati peranan individu dalam pembangunan negara, bermula dari kanak-kanak sehingga dewasa, di mana dalam babak pertama, sebagai seorang murid, kanak-kanak perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu dan pengetahuan serta kepekaan dalam menjaga masa kerana masa adalah emas dan haruslah diisi dengan kegiatan yang bermanfaat.

Babak kedua pula menekankan peranan belia sebagai ejen transformasi negara, seterusnya babak ketiga menggambarkan kecemerlangan yang akan dicapai jika warga berjaya berperanan memajukan bangsa dan negara, sementara babak keempat menggambarkan kepentingan keluarga bahagia sebagai tunjang kepada pembangunan masyarakat yang berjaya, dan babak kelima akhirnya menggambarkan kecemerlangan bangsa dan negara dalam mencapai wawasan negara, bangsa yang sehati senada akan mencapai kemajuan bersama-sama.

Terdahulu, buat julung kalinya diadakan Persembahan Bicara Berirama yang dipersembahkan oleh seramai 433 peserta melibatkan penuntut dari Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Haji Muhammad Jaafar Maun Kiulap, Sekolah St. George's dan pelatih PKBN Pengambilan Ke-6.

Persembahan ini menekankan peranan generasi muda yang terdiri dari kanak-kanak dan belia dalam melengkapkan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Antara sinopsis Persembahan Bicara Berirama ialah mengutarakan suara belia harapan berkaitan tema Sambutan Hari Kebangsaan, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara', dengan menjelaskan bagaimana para belia ini dapat menjayakan Wawasan Negara tersebut dengan mendidik jiwa ke arah kebaikan; sentiasa menjaga kehormatan diri; memelihara keperibadian; dan mengawal penampilan dengan berlandaskan ajaran agama Islam.

Ke muka 6

PARA peserta penuh bersemangat membuat persembahan meskipun dalam suasana hujan yang lebat demi menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan (kanan dan bawah).

DI ANTARA lebih enam ribu peserta yang terdiri daripada kanak-kanak hingga dewasa dengan penuh semangat patriotisme menjayakan persembahan yang menekankan peranan belia sebagai ejen transformasi negara.

Dari muka 5

Namun apakah yang perlu dimiliki oleh para belia ke arah mencapai Wawasan Negara itu? Iaitu dengan mempunyai kesedaran diri; mampu melaksanakan segala perancangan matlamat hidup dengan tindak-tanduk perbuatan; mempunyai jati diri serta keperibadian yang luhur agar terhindar dari kemunduran dan kerosakan; dan memiliki *mind set* yang positif, berkeyakinan diri, dinamik, kreatif, berinovatif serta bertanggungjawab yang benar-benar diperlukan untuk menggerakkan negara dengan tidak bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata.

Mereka juga menyebut tentang peranan ibu bapa dalam membimbing ke arah berbudi bahasa dan bersopan santun sejak kecil lagi, selain mengajarkan untuk sentiasa mempunyai sifat hormat-menghormati, bersopan santun, bertolak-ansur kepada orang lain tanpa mengira bangsa dan agama dan tidak melakukan kekotoran di negara sendiri dengan membuang sampah di merata tempat dan sebagainya.

Juga turut disentuh ialah mengenai peri-mustahaknya budi bahasa untuk melahirkan belia yang mulia, unggul dan utopia, demi merealisasikan aspirasi negara ke arah Wawasan Negara 2035, seumpama pepohon yang terus bergoyang, biarlah matahari terus bersinar dan biarlah Negara Brunei Darussalam terus disegani kerana kekayaan budi bahasa rakyatnya.

Pada mengakhiri Persembahan Bicara Berirama itu, mereka menyeru kepada para belia muda mudi di negara ini untuk sama-sama bangkit memajukan diri masing-masing dan seterusnya menjadi kelompok belia Muslim yang berguna yang dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan kemajuan ummah melalui pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan, yang sempurna dan seimbang iaitu pendidikan yang berteraskan kepada agama dan akademik.

Di samping itu, mereka turut mengingatkan bahawa ketika ini banyak gejala sosial seperti pengambilan bahan terlarang, pergaulan bebas, pemugut, dan sebagainya yang berlaku di segenap lapisan masyarakat kitani, dari itu mereka menyeru bahawa kita harus sedar dan berusaha dengan menguatkan dan mengukuhkan lagi 'Iman' diri kerana disebabkan terlalu banyak berlakunya gejala-gejala tersebut, pihak kerajaan mahupun masyarakat telah mengambilinisiatif bertungkus-lumus membanteras masalah berkenaan.

Upacara persembahan padang terus disemarakkan dan diwarnai dengan penuh gilang-gemilang, sorak tawa segenap lapisan masyarakat dan penduduk di negara ini yang datang menyaksikan sambutan berkenaan terdiri dari pelbagai lapisan bangsa dan agama tetap memeriahkan lagi suasana Taman dan bandar itu sendiri bagi sama-sama menzahirkan semangat patriotisme yang tinggi dalam menyanjungi, mencintai dan mempertahankan negara dari sebarang anasir-anasir yang negatif.

Sementara itu, dalam Upacara Perbarisan Lalu menyaksikan penglibatan 133 pasukan yang melibatkan 23,000 peserta termasuk Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-Bendera, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Beruniform, Pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pasukan Orang-Orang Berkeperluan Khas, Pasukan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda gembira dan melambaikan tangan kepada para peserta yang mengambil bahagian semasa upacara kemuncak sambutan tersebut.

SUASANA keindahan kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 yang penuh gilang-gemilang dan warna-warni di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (atas). Sementara gambar bawah, orang ramai tidak melepaskan peluang hadir dan menyaksikan suasana sambutan tersebut.

PASUKAN dari Jabatan Perdana Menteri sama-sama mempersembahkan peranan pelbagai lapisan masyarakat dalam menjayakan Wawasan Negara 2035 sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33

Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait

TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah bersamaan 2017 Masihi di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Rabu, 22 Februari. - Sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini dapat hidup dalam sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera telah diadakan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 1438 Hijrah bersamaan 2017 Masihi di seluruh masjid dan surau di daerah ini.

Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait merupakan masjid tumpuan utama bagi acara tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah diimamkan Pegawai Hal Ehwal Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akup bin Haji Lamat, sementara bacaan Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Turut hadir pada majlis tersebut, ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Hanapi bin Mohd. Siput, Pemangku Penghulu Mukim Labi. Hadir sama, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pengetua-pengetua maktab / sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan, guru-guru besar sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan Daerah Belait, Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan Daerah Belait, pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat swasta serta Ahli Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam.

Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong

TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Berita & Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUTONG, Rabu, 22 Februari. - Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 diselenggarakan serentak di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Seperti kelazimannya bersempena dengan acara kenegaraan ini, tumpuan utama bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam masjid tersebut, Awang Sahibul Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Hassan bin Amat.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, yang diimamkan oleh Awang Sahibul Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis keugamaan adalah bertujuan bagi memohon ke hadrat Ilahi agar Negara Brunei Darussalam, raja, rakyat dan penduduk serta segala isi didalamnya dan seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, serta rakyat dan penduduk di daerah ini.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan pada setiap 23 Februari dan tahun ini merupakan sambutan buat kali ke-33 yang membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong

TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (tiga, kiri) semasa hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Rabu, 22 Februari. - Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 Bagi Daerah Temburong dengan tema sambutan kali ini 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Solat Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Yussof bin Haji Ahad dan disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Haji Awang Shafrillah bin Haji Ahmad.

Manakala Doa Kesyukuran dibacakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Kamarulzaman bin Haji Kamis, sementara Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Haji Awang Shafrillah bin Haji Ahmad.

Turut hadir pada majlis ini, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok; Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohd. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud; pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para jemaah masjid.

Majlis keagamaan yang diadakan setiap tahun di ambang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ini adalah penzahiran kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana di atas limpah kurnia Rahmat-Nya jua bumi Brunei Darussalam terus dikurniakan keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan sepanjang 33 tahun mengecapi kemanisan sebagai sebuah negara merdeka, dan di bawah kepimpinan seorang Raja yang bijaksana dan dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dapat menjalani kehidupan dalam keadaan selesa, bahagia dan aman damai.

Brunei - Kuwait terus kukuhkan hubungan

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri semasa Upacara Memotong Kek sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

JERUDONG, Jumaat, 24 Februari. - Kedutaan Besar Kuwait di negara mengadakan Majlis Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait Ke-56 yang berlangsung Dewan Indera Samudera, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri, dalam ucapannya menggariskan mengenai hubungan persahabatan yang kukuh di antara kedua-dua buah negara yang telah menyaksikan kemajuan melalui pertukaran lawatan rasmi secara tetap.

Tuan Yang Terutama berkata, lawatan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait ke negara ini pada bulan Oktober tahun lalu telah membuka bab baharu bagi hubungan dua hala dan meletakkan asas yang kukuh bagi kerjasama dalam pelbagai kepentingan yang berbeza.

Menurutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Amir Kuwait telah menyaksikan penandatanganan enam perjanjian dalam bidang Pengajian Tinggi dan Kajian Saintifik, Kerjasama Pelancongan, Perjanjian untuk Pengecualian Bersama Visa bagi Pemegang Pasport Diplomatik, Istimewa dan Rasmi, Protokol Pindaan Perjanjian bagi Pengelakan Cukai Berganda, Perjanjian bagi Latihan Diplomatik serta penubuhan 'Joint Commission for Cooperation' baharu yang diketuai oleh menteri-menteri luar.

TYT menambah, ia merupakan petunjuk yang jelas dalam kesungguhan kedua-dua buah negara untuk meningkatkan lagi persefahaman dan mewujudkan mekanisme bagi perundingan politik dan diplomatik antara menteri-menteri luar.

Majlis tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Kuwait, diikuti dengan Upacara Memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan TYT.

Peserta PBCTA terima sijil

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri) menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA).

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Seramai 43 peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) dari keempat-empat daerah menerima sijil dan hadiah penghargaan dan penyertaan pada Majlis Penghargaan PBCTA Ke-12 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara.

Sijil-sijil disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat.

Turut hadir, ialah Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Acara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh peserta dari Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad.

Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Zafri Haji Mohamed, selaku Pengerusi Majlis Penghargaan PBCTA dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengucapkan tahniah kepada para peserta PBCTA yang terlibat dalam Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada dua wakil peserta PBCTA dari Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Arif bin Asri dan Dayangku Nur Hidayah binti Pengiran Ya'akub, dan diserikan lagi dengan tayangan video PBCTA serta persembahan koir dari peserta PBCTA.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan penyampaian sijil penyertaan dan penghargaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada para peserta yang mana Awang Mohamad Ridzwan bin Haji Moksin dipilih menjadi Peserta Lelaki Contoh, manakala Peserta Perempuan Contoh pula ialah Dayang Nurul Nadiah binti Radat.

PBCTA merupakan anjuran bersama KKBS, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bermula pada 16 Februari yang lalu.

Program tersebut dijalankan dalam beberapa aktiviti seperti Menyertai Upacara Menaikkan Bendera Besar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, kerja-kerja kemasyarakatan di daerah-daerah, Perkampungan BCTA, Perarakan BCTA di Bandarku Ceria, Menyertai Majlis Kesyukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dan Menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Program berkenaan antara lain bertujuan untuk mengadakan aktiviti kenegaraan ke arah meningkatkan lagi semangat patriotik para belia disamping menyuntik semangat para belia untuk bergiat aktif dalam mengikuti apa jua aktiviti yang bersifat kepimpinan, kesukarelawanan dan pembangunan belia serta menyemarakkan semangat setia kawan, gotong-royong dan saling bantu di antara satu sama lain.

MAJLIS Penghargaan PBCTA Ke-12 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan.

HALUAN

Dari muka 2

Dalam kesempatan ini juga, sekali lagi peramba / kaola / saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memberikan apa jua sumbangan dalam bersama-sama mengungkayahkan dan menjayakan Majlis Pembukaan Rasmi ini, terutama kepada Jawatankuasa Projek Julangan Titah Pasar Pelbagai Barangan Gadong yang terdiri daripada pihak kakitangan Pejabat Kebawah DYMM sendiri. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan rahmat dan ganjaran yang sebaiknya kepada semua yang berkenaan. Amin, amin Ya Rabbal Aalamin.

Dengan rasa syukur dan tawaduk ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua marilah kita sama- sama merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi 'Julangan Titah' Pasar Pelbagai Barangan Gadong.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.

Dengan berpersatuan, menambah kemahiran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Belia Lumapas

MUKIM LUMAPAS, Jumaat, 24 Februari. - Berpersatuan adalah salah satu cara bagi ahli-ahli masyarakat untuk melibatkan diri dalam pembangunan negara, lebih-lebih lagi kepada para belia untuk menggunakan tenaga, masa dan idea yang ada untuk berpersatuan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad berucap demikian semasa melancarkan Sambutan Jubli Emas Persatuan Belia Lumapas (PERLU) berlangsung di Sekolah Rendah Lumapas, di sini.

Yang Berhormat berkata, mungkin ada yang beranggapan, berpersatuan cumalah untuk aktiviti sukarelawan sahaja.

Namun begitu, jelasnya, kita sudah melihat beberapa persatuan di negara ini berjaya menjadikan pergerakan berpersatuan untuk meningkatkan ekonomi, mendidik anak-anak buah serta ahli-ahlinya di dalam kemahiran tertentu dan yang penting sekali, merapatkan hubungan silaturahim di antara masyarakat.

"Di sini saya ingin menyeru kepada rakan-rakan belia yang berada di sini, untuk terus bekerjasama dan berkecimpung dalam berpersatuan.

"Memang setentunya pekerjaan bagi yang bekerja, pembelajaran bagi yang masih belajar atau berkeluarga menjadi keutamaan, akan tetapi jika bijak mengurus masa dan menggunakan peluang yang ada, kitani dapat memberi dan menerima manfaat dari berpersatuan," ujarnya.

Yang Berhormat juga berpendapat, dengan berpersatuan boleh menambah kemahiran yang tidak dapat diperolehi di tempat kerja, belajar dari teman-teman di dalam persatuan ataupun merapatkan hubungan kekeluargaan dengan aktiviti riadah yang dianjurkan oleh persatuan.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata 50 tahun pergerakan sebagai sebuah persatuan bukanlah senang.

"Di sini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada PERLU kerana berjaya memperjuangkan hal ehwal belia, terutama sekali di kawasan ini untuk sama-sama jua memberikan manfaat yang terbaik kepada ahli-ahli serta masyarakat di sini," katanya lagi.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat berkesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-33 kepada yang hadir dan perlu berbangga kerana menjadi anak Brunei yang merdeka, menghirup udara aman damai dan menyeru supaya meneruskan usaha memajukan negara di dalam apa jua bidang.

Yang Di-Pertua PERLU, Pengiran Haji Hanafi bin Pengiran Haji Ahmad yang juga selaku Pengerusi majlis dalam alu-aluannya antara lain melahirkan penghargaan dan berterima kasih kepada semua pihak termasuk para peserta pameran, ahli Pelopor 3PKLB, PERLU serta Ahli Jawatankuasa Penyelenggara yang bertungkus-lumus dalam menjayakan sambutan itu.

Meskipun sambutan itu ringkas dan sukarela, tambahnya, akan tetapi cukup besar maknanya kepada PERLU sebagai persatuan belia yang suka dan rela berkorban.

Salah seorang penerima Watikah Pengiktirafan yang juga Pengasas Utama Penubuhan, Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Haji Sapar ketika ditemui menjelaskan mengenai sejarah awal penubuhan persatuan itu yang dulu dikenali sebagai Persatuan Pemuda Pemudi Kampung Lumapas Brunei (3PKLB) di mana pada tahun 60an keahliannya hanya sekitar 60 orang ketika itu.

Di samping aktif dalam aktiviti-aktiviti atau kegiatan keraian, tambahnya, persatuan mula berkecimpung dalam kedai koperasi pada tahun 1978 demi memperting-katkan ekonomi mereka pada masa itu.

Dato Paduka Haji Abu Bakar juga berharap akan ramai belia khususnya para penduduk kampung tersebut menyertai persatuan itu agar PERLU akan sentiasa 'hidup' dalam sama-sama memperkembangkan kemajuan kampung dan juga negara.

Sambutan Jubli Emas PERLU diteruskan dengan penyampaian Watikah Pengiktirafan dan dimeriahkan dengan Perlawanan Tarik Kalat menggunakan Kain Sarung.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad (kiri) menyampaikan Watikah Pengiktirafan (Tokoh Kerabat Setia) kepada Awang Haji Kamis bin Haji Mangsor (kanan).

Perlawanan tarik kalat dimenangi oleh pasukan MPK Lumapas 'B' setelah berjaya menewaskan MPK Lumapas 'A'.

Pelbagai acara disusun sepanjang tiga hari sambutan itu diadakan antaranya Sukan Ria, Bermukun, Malam Budaya Titian Emas, gerai jualan serta Senamrobik dan Walkaton pada yang akan diadakan Ahad ini.

IoT tangani cabaran pembangunan bandar

Siaran Akhbar :
Telekom Brunei Berhad (TelBru)

TAIPEI, TAIWAN. - Momentum Negara Pintar (Nation Smart) Telekom Brunei Berhad (TelBru) semakin mendapat tempat berikutan pelaksanaan infrastruktur yang membolehkan pemasangan 'Internet of Things' (IoT) bagi menangani beberapa penyelesaian cabaran pembangunan bandar melalui penggunaan peralatan moden dengan penekanan khusus kepada teknologi LoRA.

Dengan beberapa stesen pangkalan yang strategik di kawasan majoriti yang meliputi Brunei dan Muara dan kawasan perairan, TelBru telah menetapkan asas berkesan bagi penyelesaian IoT yang berkaitan dan melihat potensi awal dalam menangani isu-isu kehidupan sebenar yang termasuk anti-kecurian penutup lurang, pemantauan penggunaan pintar elektrik dan air, keupayaan pemantauan banjir, kelembapan dan suhu pengukuran dan juga untuk tujuan pengunaan pertanian.

Ketika TelBru bergerak ke hadapan dengan kewujudan teknologi yang membolehkan 'Smart Living' di kalangan penduduk di samping memberikan perkhidmatan nilai tambah dalam bidang ICT, syarikat tersebut terus mencari jalan untuk meningkatkan keupayaan ke arah menyediakan teknologi terkini bagi mengatasi cabaran-cabaran semasa dan yang mungkin akan timbul dalam pelbagai bidang lain yang juga tidak terhad dalam bidang kesihatan, ekonomi dan pendidikan.

Sehubungan dengan itu, Ketua Pegawai Pemasaran TelBru, Lim Ming Soon bersama kakitangan syarikat tersebut pada awal minggu ini telah menghadiri Persidangan 'World Telecom Smart City' di Taipei untuk meneroka pelbagai kemungkinan dan aplikasi IoT yang berkaitan dengan pembangunan Brunei terutama dengan pelancaran rangkaian jalur lebar TelBru yang berkelajuan tinggi seluruh negara.

Pada majlis yang diadakan di Dewan Pameran Taipei, Pusat Dagangan Dunia Nangang, Lim Ming Soon telah diundang sebagai penceramah jemputan pada segmen sulung 'TelCo's Strategy and Planning in IoT Era' atas undangan Persatuan Komputer Taiwan (TCA) yang memberi fokus kepada 'Menjayakan Wawasan Brunei melalui Negara Pintar' di mana kemajuan ICT Brunei, telah digariskan antara kalangan 19 buah syarikat antarabangsa yang telah dijemput untuk memberikan ceramah pada perhimpunan tersebut.

Sejajar dengan visi TelBru yang bertujuan untuk memperkenalkan teknologi terkini IoT di Brunei, ekspo itu juga adalah sebagai platform untuk tidak hanya mempamerkan keupayaan semasa Brunei tetapi juga untuk memudahkan daya tarikan dalam pelaburan langsung asing ICT ke dalam negara daripada pemaju IoT dan pengeluar yang mengambil bahagian.

Serentak dengan persidangan itu, Sidang Kemuncak 'Smart City' dan Ekspo 2017 merupakan acara IoT yang terbesar di Taiwan dengan mengundang lebih 100 pengusaha yang mempamerkan aplikasi 'Nation Smart' bagi beberapa kategori 'Smart' yang merangkumi Bangunan Pintar, Runcit Pintar, tenaga hijau, pengangkutan pintar dan juga *sleep* teknologi.

70 petak sertai Karnival Pengguna Antarabangsa

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUKIM BERAKAS, Jumaat, 24 Februari. - Karnival Pengguna Antarabangsa anjuran Pro Access Event Management akan berlangsung selama enam hari bermula pada 28 Februari hingga 5 Mac ini di Stadium Tertutup Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Berakas.

Majlis Perasmian Karnival Pengguna Antarabangsa tersebut akan disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada 28 Februari ini di stadium berkenaan.

Perkara itu diumumkan oleh Pro Access Event Management, Awang Azman bin Abdul Talib pada Sidang Media mengenainya bertempat di Hellas Restoran and Catering, Serusop, di sini.

Sebanyak 70 petak pameran disediakan dan 60 peratus daripadanya akan disertai oleh peserta dari luar negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand juga SME Brunei Darussalam.

Tujuan utama karnival jelasnya, adalah sebagai platform kepada pengedar-pengedar SME di negara ini, belia-belia lepasan sekolah, graduan-graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang belum mempunyai pekerjaan tetapi berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan ingin memperkenalkan produk yang dimiliki.

Pada masa yang sama, katanya, ia dapat mempromosi barang-barangan mereka dengan harga yang lebih kompetitif dan amat bertepatan dengan fenomena sekarang yang mana dunia Digital Marketing kian popular, pantas dan sangat berkesan.

Menurutnya, pihak penganjur dengan kerjasama Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) juga akan mengadakan 'My Business Online Live Talk' pada 3 Mac 2017 bertempat di Exhibition Hall, di stadium tersebut yang dimulai jam 2.30 petang hingga 6.00 petang pada sesi pertama, manakala sesi kedua pada jam 8.00 malam hingga 10.00 malam.

PRO Access Event Management, Awang Azman bin Abdul Talib semasa mempengerusikan Sidang Media Karnival Pengguna Antarabangsa bertempat di Hellas Restoran and Catering, Serusop.

Seminar pendek itu dibukakan kepada belia-belia, usahawan dan bakal usahawan mengenai peluang perniagaan yang boleh dilaksanakan menggunakan internet.

Beliau menambah, platform tersebut adalah sesuai untuk pelancaran produk-produk baharu mereka sebagai satu percubaan kepada pengunjung yang datang.

Oleh itu, orang ramai yang ingin dan berminat untuk menyertai seminar itu dikenakan bayaran yuran pendaftaran sebanyak BND50 manakala pelajar-pelajar dikenakan sebanyak BND30.

Seterusnya, para penganjur akan bekerjasama dengan Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penggerak Seni Brunei Darussalam untuk mengungkayahkan acara pentas di sepanjang karnival tersebut.

Acara pentas tersebut akan dijayakan oleh barisan artis-artis Brunei terdiri daripada Siti Aisah, Asimah, Jojo, Suzen, Ct Maryam dan Hajah Sa'adiah manakala persembahan akustik dibarisi oleh Kumpulan Iron Dragon, No Band, Aqasha dan Ai selain Peraduan Seni Khat dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Sementara acara kanak-kanak dihiburkan oleh Tinker Bell Learning School, Rumah Pusaka dari Putra Seni, Pertandingan Menumpah Ambuyat dan Cabaran Teh Tarik oleh Sabli Food industries.

Sebarang keterangan lanjut bolehlah menghubungi melalui talian +673 8855875.

Palestin berhasrat memperluas kerjasama bidang pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar H. Al-Agha.

TYT telah mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dalam perjumpaan tersebut, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar telah membincangkan hasratnya untuk memperluaskan lagi hubungan dan jalinan kerjasama di antara Negara Palestin dan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang Terutama menyuarakan keinginannya untuk melihat lebih ramai lagi pelajar dari kalangan rakyat Palestin yang akan mengikuti pengajian mereka di UNISSA, khususnya dengan adanya peluang biasiswa yang ditawarkan oleh Kerajaan Brunei Darussalam bagi Pelajar Antarabangsa.

Selain itu, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin juga berhasrat untuk mengembangkan hubungan akademik di antara institusi-institusi pengajian tinggi di Palestin dengan UNISSA melalui pertukaran pelajar, pertukaran staf akademik dan juga melalui aktiviti ilmiah menerusi seminar, persidangan, lawatan sambil belajar, dan lainnya.

UNISSA sebelum ini pernah menerima pelajar Palestin di peringkat pengajian lepas ijazah yang telah lulus menamatkan pengajiannya.

Sehari sebelumnya, dalam kesempatan yang lain, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan juga telah menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman yang baru dilantik pada 15 Februari lepas, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said.

Kunjungan Tuan Yang Terutama Haji Sulaini adalah bagi mengikuti perkembangan hubungan UNISSA dengan institusi-institusi pengajian di Oman.

Pada masa ini, terdapat tujuh pelajar UNISSA sedang mengikuti pengajian mereka di Oman, iaitu empat orang pelajar mengikuti pengajian di Sultan Qaboos University (SQU), di bawah program pengajian luar negara (*study abroad program*) selama setahun atau dua semester, manakala tiga orang lagi pelajar UNISSA juga sedang mengikuti pengajian intensif bahasa Arab di Sultan Qaboos College for Teaching Arabic Language to Non-Native Speakers (SQCA) selama lapan minggu.

Penghantaran pelajar UNISSA ke SQCA telah bermula sejak 2015, hasil dari perbincangan dan hubungan rapat UNISSA dengan Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam.

TYT dan Rektor UNISSA juga membincangkan inisiatif untuk memperluaskan lagi hubungan UNISSA dengan institusi-institusi pengajian tinggi di Oman serta meneroka peluang kerjasama yang boleh dijalin melalui pertukaran tenaga akademik dan pelajar, peluang untuk menjalani latihan industri di Oman, kursus-kursus intensif bagi tenaga akademik tempatan UNISSA dan peluang penyelidikan bersama dan penerbitan bahan ilmiah.

Juga turut hadir dalam perjumpaan tersebut ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Penolong Rektor, Dr. Arman bin Haji Asmad dan beberapa orang pegawai utama UNISSA.

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Palestin ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Dr. Anwar H. Al-Agha.

UNISSA semasa menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Haji Sulaini bin Haji Said.

MUIB serah BND2,400 wang agihan zakat kepada mangsa kebakaran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Dalam usaha untuk meringankan beban mangsa kebakaran baru-baru ini, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama, menyerahkan sejumlah BND2,400 wang agihan zakat kepada mangsa-mangsa kebakaran Kampung Perpindahan Lambak Kanan dan Kampung Lumapas.

Hadir untuk menyerahkan agihan zakat pada majlis yang berlangsung di Bilik Seroja, KHEU itu ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop.

Pada majlis penyampaian itu, agihan zakat yang berupa bantuan kewangan sebanyak BND400 telah diserahkan kepada dua buah keluarga yang terdiri daripada dua orang penghuni yang terlibat dalam musibah kebakaran di Kampung Perpindahan Lambak Kanan pada 31 Januari 2017.

Penerima bantuan agihan wang zakat tersebut ialah Awang Haji Mahdini bin Haji Mahri, dan Awang Haji Mahadi bin Haji Mahri yang masing-masing menerima sebanyak BND200.

Manakala pemilik rumah yang terlibat dalam musibah kebakaran Kampung Lumapas pada 9 Februari 2017, Awang Muhammad Tarip bin Abd. Ghani dan isteri menerima sebanyak BND2,000 serta bantuan alat-alat persekolahan untuk anak-anak beliau.

MUIB berharap, agihan wang zakat itu dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa dan dalam masa yang sama menyeru kepada mereka supaya lebih berhati-hati serta berwaspada dalam menjaga keselamatan anggota keluarga daripada ditimpa musibah.

PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Akop menyerahkan agihan wang zakat kepada penerima.

NBD jalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Saint Kitts and Nevis

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Saint Kitts and Nevis mulai 21 Februari 2017.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama penjalinan hubungan diplomatik telah diadakan di Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Ghafar bin Haji Ismail.

Sementara itu, Kerajaan Saint Kitts and Nevis diwakili oleh Wakil Tetap Saint Kitts and Nevis ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Sam T. Condor.

Kerja pengorekan dijalankan

Siaran Akhbar : Jabatan Laut

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Pelaut-pelaut diingatkan kerja-kerja haluan pengorekan telah bermula pada bulan Disember lalu hingga 31 Mac tahun ini.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Laut, kerja pengorekan tersebut akan menyebabkan pembatasan kepada keselamatan pelayaran.

Kawasan-kawasan yang terlibat ialah di perairan Tanjung Kerasik, Sungai Dowo Besar, perairan negara ini.

Kapal bernama Jin Hwa digunakan bagi pengorekan itu selain bot penunda, tongkang dan *landing craft.*

Pemasangan boya-boya dan papan tanda terapung akan disediakan sebagai isyarat amaran.

Peta Laut yang terlibat : BA 2134.

Kebawah DYMM berkenan menjawat perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada Ketua-Ketua Negara dan Ketua-Ketua Kerajaan sempena menyambut Ulang Tahun Ke-33 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2017, iaitu di antaranya daripada :

DARIPADA KETUA-KETUA NEGARA

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia

2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdul Aziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland

4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II II ibn Al Hussein, Raja Jordan

5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain

6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja

7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V, Raja Norway

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Philippe, Raja Belgium

9. Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo

10. Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Tony Tan Keng Yam

11. Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Htin Kyaw

12. Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith

13. Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mamnoon Hussain

14. Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid

15. Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping

16. Presiden India, Tuan Yang Terutama Pranab Mukherjee

17. Presiden Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Maithripala Sirisena

18. Presiden Mongolia, Tuan Yang Terutama Tsakhia Elbegdorj

19. Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Rouhani

20. Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump

21. Gabenor Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama Sir Peter Cosgrove AK MC (Retd)

22. Gabenor Jeneral Kanada, Tuan Yang Terutama David Johnston

23. Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Joachim Gauck

24. Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin

25. Presiden Republik Perancis, Tuan Yang Terutama Francois Hollande

26. Presiden Republik Itali, Tuan Yang Terutama Sergio Mattarella

27. Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan

28. Presiden Federal Republik Austria, Tuan Yang Terutama Alexander Van der Bellen

29. Presiden Republik Bulgaria, Tuan Yang Terutama Rumen Radev

30. Presiden Ukraine, Tuan Yang Terutama Petro Poroshenko

31. Presiden The United Mexican States, Tuan Yang Terutama Enrique Pena Nieto

32. Presiden The Swiss Confederation, Puan Yang Terutama Doris Leuthard

33. Presiden Republik Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Shavkat Mirziyoyev

34. President of the Councils of State and Minister of the Republic of Cuba, Tuan Yang Terutama Raul Castro Ruz

35. Presiden Republik Demokratik Rakyat Algeria, Tuan Yang Terutama Abdelaziz Bouteflika

36. Presiden Republik Zambia, Tuan Yang Terutama Edgar Chagwa Lungu

37. Pemangku Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Hwang Kyo-ahn

DARIPADA KETUA-KETUA KERAJAAN

38. Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

39. Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong

40. Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Thongloun Sisoulith

41. Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen

42. Perdana Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Muhammad Nawaz Sharif

43. Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina

44. Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Fiji, Yang Berhormat Josaia Voreqe Bainimarama

LAIN-LAIN ORANG KENAMAAN LUAR NEGERI

45. Secretary-General of the United Nation, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres

46. Secretary General of the Organization of Islamic Cooperation, Tuan Yang Terutama Dr. Yousef A. Al-Othaimeen

Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Ke-33 penuh gilang-gemilang

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan penuh gembira berkenan menerima junjung ziarah daripada golongan kanak-kanak yang membuat Persembahan Bicara Berirama pada acara kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 (atas). Sementara gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Negara Brunei Darussalam sekali lagi melakar sejarah dengan meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33, walaupun hujan namun ia satu kerahmatan buat seluruh rakyat dan penduduk untuk berasa kemeriahan dan yang penting menaikkan rasa cintakan negara, raja, bangsa dan agama berlandaskan Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Semangat itu terus berkobar dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dilaungkan sejurus keberangkatan tiba dan setelah itu Kebawah DYMM dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota ABDB dan anggota Pasukan PDB.

Upacara Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bermula dengan Upacara Perbarisan Lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 23 ribu orang peserta yang mewakili 133 buah pasukan dengan didahului oleh Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran besar yang diikuti oleh Pasukan Pembaca Ikrar, Pasukan Pembawa Bendera-Bendera Logo Hari Kebangsaan, ABDB, PDB, Pasukan Berpakaian Seragam, peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pasukan Orang-Orang Berkeperluan Khas, Pasukan Cemerlang, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan, wakil daerah-daerah dan sektor swasta.

Sambutan terus diwarnai dengan persembahan menarik 'Bicara Berirama' dengan penuh semangat yang disertai seramai 433 peserta dari Sekolah Rendah Anggerek Desa, Sekolah Rendah Haji Muhammad Jaafar Maun, Kiulap; Sekolah St. George's dan pelatih-pelatih PKBN Pengambilan Ke-6.

Sementara itu, pasukan-pasukan dari institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan, Pertubuhan Awam dan Pasukan Warga Asing di Negara Brunei meneruskan upacara perbarisan berkenaan dengan meriah.

Ikrar Hari Kebangsaan kemudian dilafazkan, yang dikepalai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abd. Manap, sebagai tanda menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya sebagai tanda bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Laungan takbir 'Allahuakbar' dilaungkan sebanyak tiga kali oleh Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim terus menyemarakkan lagi sambutan yang penuh gilang-gemilang.

Rombongan pembaca ikrar tersebut juga disertai oleh para peserta berkeperluan khas yang menggunakan bahasa isyarat.

Persembahan bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' melibatkan seramai 6,833 peserta yang mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia-belia yang mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi dengan megah mempamerkan Persembahan Tema tahun ini iaitu dengan membawa segenap lapisan masyarakat untuk menghayati peranan mereka dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sebelum berangkat meninggalkan upacara, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta yang menjayakan sambutan tahun ini.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. AmirulNizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

PASUKAN dari Kementerian Perhubungan (atas) dan Pasukan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (bawah kanan) dengan penuh bersemangat menyertai perbarisan lalu semasa upacara kemuncak sambutan tersebut. Sementara gambar kiri dan bawah kiri, Pasukan Beruniform ABDB dan pasukan dari salah sebuah sekolah di negara ini sama-sama berperanan memajukan Wawasan Negara 2035.

PASUKAN Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam berukuran besar mendahului perbarisan lalu (kiri). Sementara gambar atas, pembacaan Ikrar Hari Kebangsaan dikepalai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abd. Manap.

Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 ialah 'Menjayakan Wawasan Negara' merupakan gagasan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tema berkenaan juga menyifatkan pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan negara ini dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik serta berdaya tahan.

Bagi mencapai wawasan tersebut, tiga nilai utama perlu diterapkan iaitu kesetiaan kepada raja dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam, keharmonian sosial dan amalan tradisi.

Ini sekali gus mengingatkan agar setiap rakyat dan penduduk serta segenap sektor dalam pembangunan negara mempunyai peranan dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 itu tercapai dan berjaya.

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 5/2017 (SPA/BIKL)
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 25 FEBRUARI 2017
TARIKH TUTUP: 18 MAC 2017

1. TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA BANDARAN
KUMPULAN 2
BAHAGIAN I
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KEKOSONGAN: 1

2. PENOLONG PENGARAH
KUMPULAN 2
BAHAGIAN I
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEKOSONGAN: 1

3. TIMBALAN PESURUHJAYA BURUH
KUMPULAN 3
BAHAGIAN I
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KEKOSONGAN: 1

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:
TALIAN DARUSSALAM 123

JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JUALAN SECARA TAWARAN AWAM ($EBUT HARGA) TERTUTUP
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan akan mengadakan Jualan Lelong Secara Tawaran Awam (Sebut Harga) Tertutup Bagi **1 Buah Toyota Hilux 4WD BG6134, Jabatan Laut.**

Syarat - Syarat Tawaran:

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang - orang perseorangan.

2. Borang-borang tawaran boleh didapati di **Jabatan Laut, Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Serasa Muara, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari berkerja (Isnin hingga Sabtu) pada 22 Februari 2017** dan tarikh terakhir mengambil Borang Jualan Secara Tawaran Awam (sebut harga) Tertutup ialah pada **13 Mac 2017 jam 3.00 Petang.**

3. Bayaran Borang Tawaran Awam (Sebut Harga) Tertutup ialah **BND10.00 bagi setiap satu borang (tidak dikembalikan)** dan waktu bagi menerima bayaran, hari **Isnin hingga hari Khamis 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang,** manakala hari **Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi.**

4. Harga tawaran permulaan bagi 1 Buah Togota Hilux 4WD Jabatan Laut, Kementerian Perhubung ada ialah **BND2,000.00.**

5. Syarat-syarat tawaran adalah seperti mana terkandung di dalam borang tawaran dan borang-borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran Sebut Harga dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

Jualan Lelong Secara Tawaran Awam (Sebut Harga) Tertutup 1 Buah Toyota Hilux 4WD, Stor Lojistik
Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan
Tingkat Bawah, Penyambut Tetamu
Jabatan Laut, Serasa Muara
Kementerian Perhubungan
Negara Brunei Darussalam BT1728.

6. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.

7. Sebarang keterangan lanjut dan sebarang pertanyaan boleh menghubungi terus kepada:-

Awang Haji Al-Awalli bin Haji Kadir di talian 2771347 - 56 sambungan : 400 Penyelanggara Stor Tingkat Khas.

dan datang terus ke Jabatan Laut untuk membuat penaksiran harga dan mengenal pasti peraltan/perkakas pejabat yang ditawarkan tersebut setelah membuat pembayaran borang tawaran sebut harga secara tertutup.

8. Pembeli/ Pengusaha/ Syarikat yang berjaya hendaklah memunggah barangbarang Peralatan Pejabat/Perkakas Pejabat tersebut dalam tempoh 2 hari setelah berjaya menerima surat makluman.

9. Pembeli/Penguasa/ Syarikat yang berjaya juga hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan Awam) setelah berjaya menerima surat makluman.

l0. Tarikh tutup tawaran pada **hari Isnin, 13 Mac 2017 jam 3.00 Petang.**

SENARAI KENDERAAN YANG DITAWARAN AWAM (SEBUT HARGA) TETUTUP

Bil 1.
Keterangan:
Toyota Hilux 4WD BG 6134
Jumlah : 1 Buah

Penyelewengan akidah dan perkara *bid'ah*

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana melimpahkan segala nikmat-Nya kepada kita dan antara nikmat yang terbesar itu ialah nikmat Islam. Islam adalah agama yang sangat mulia, lengkap dan sempurna. Agama Islam menyelamatkan kita daripada kegelapan kepada cahaya yang terang benderang, daripada kebatilan kepada kebenaran, dan memimpin kita ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 19 :

Tafsirnya : *"Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah agama Islam."*

Alhmadulillah kita sangat-sangat bersyukur kerana agama rasmi negara kita ialah agama Islam menurut akidah Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Shafie. Maka adalah menjadi kerugian besar kepada sesiapa yang memilih agama lain selain daripada agama Islam sebagai agamanya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 85 :

Tafsirnya : *"Dan siapa yang mencari agama lain selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."*

Dari semenjak dahulu lagi hinggalah sekarang fahaman atau ajaran yang mengelirukan sering timbul untuk menjerat dan memerangkap orang-orang Islam khususnya kepada orang-orang yang kurang memahami tentang ajaran agama Islam. Malah lebih membimbangkan lagi bila mana wujudnya penyelewengan akidah yang amat berbahaya dan meragui kebenarannya yang boleh merosakkan iman dan akidah Islam yang sebenarnya.

Ketahuilah bahawa ajaran dan aliran seperti ini boleh mengelirukan kehidupan beragama dan menggugat keselamatan, kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan negara, serta perpaduan umat Islam di negara ini. Kerana sebahagian daripada ajaran tersebut boleh menimbulkan kekacauan dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Selaku rakyat dan penduduk negara ini hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap segala ajaran yang boleh menyelewengkan dan memesongkan akidah kita.

Daripada Auf bin Malik ia berkata : *"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Demi Tuhan yang jiwa Muhammad dalam genggamannya, sesungguhnya akan berpecah umatku di atas tujuh puluh tiga golongan, maka yang satu masuk syurga dan tujuh puluh dua golongan masuk neraka. Bertanya para sahabat : Siapakah yang tidak masuk neraka itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab : Ahli Sunnah Waljamaah,"* riwayat Imam Ibnu Majah.

Ketahuilah antara sebab berlakunya pengaruh dan penyebaran ajaran yang menyeleweng ini adalah disebabkan diajarkan secara sulit dan senyap-senyap kepada orang yang kurang pengetahuan tentang agama Islam malahan yang lebih berbahaya lagi ialah orang yang menyampaikannya kurang mendalami ilmu tersebut.

Kita juga pernah terdengar terdapat beberapa isu masyarakat di negara ini memperkatakan mengenai perkara bid'ah seperti bersalam-salaman selepas berdoa setelah selesai menunaikan sembahyang, mengadakan majlis tahlil atau kenduri arwah dan sebagainya. Sebagai umat Islam kita hendaklah berhati-hati dan jangan terus menolok semua perkara *bid'ah*. Kita lihat dulu apa asas dan ciri-cirinya rujuklah kepada dalil syarak Al-Quran, As Sunnah, pendapat para sahabat, ijmak ulama Islam. Oleh itu, janganlah mengambil mudah dengan melihat Al-Quran dan hadis semata-mata tanpa perlu melihat pendapat sahabat dan ijmak ulama. Kerana ulama juga adalah pewaris kepada Nabi dan guru sepanjang zaman.

Sesungguhnya Al Imam An-Nawawi Rahimahullah telah menyebut di dalam kitabnya Al-Azkar, bahawa *bid'ah* itu ada lima macam, iaitu pertama : *bid'ah* diwajibkan. Kedua : *bid'ah* yang diharamkan, ketiga, *bid'ah* yang dimakruhkan. Keempat : *bid'ah* yang disunatkan. Kelima : *bid'ah* yang diharuskan (dibolehkan). Antara *bid'ah* yang diharuskan atau dibolehkan itu ialah berjabat tangan (bersalam-salaman) selepas selesai sembahyang.

Sebagaimana menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah lagi dalam Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab sebagai menukil pendapat Imam Muhammad bin Abdussalam, bahawa adapun berjabat tangan yang biasa dilakukan selepas sembahyang dan Asar adalah antara *bid'ah* yang dibolehkan, tidak disifatkan ia makruh dan sunat. Namun tidaklah mengapa, kerana asal berjabat tangan itu adalah sunat, khusus dalam keadaan tertentu.

Selain itu pada kebiasaannya di negara kita atau bukan negara kepulauan negara Melayu apabila ada kematian maka majlis tahlil atau kenduri arwah akan diadakan oleh keluarga orang yang meninggal dunia. Keluarga tersebut akan menjemput ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai bagi membaca ayat-ayat Al-Quran seperti membaca Surah Yaa Siin, bertahlil, bertahmid, bertasbih dan sebagainya untuk dihadiahkan pahalanya kepada orang yang meninggal dunia. Sebagaimana yang kita ketahui agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk berbuat kebajikan seperti bersedekah, memberi makan dengan mengundang orang ke rumah dengan tujuan mengeratkan silaturahim, dengan membaca ayat-ayat Al-Quran dan berdoa beramai-ramai memohon rahmat bagi orang yang meninggal dunia dan sebagainya.

Sesungguhnya zikir bererti menyebut nama Allah dengan bertahlil لآإله الاالله, bertasbih سُبْحَانَ الله, bertahmid الحمدلله, bertakbir الله أكبر menyebut hawqolah لاَحَوْلَ وَلاَقُوَّةَ إِلاَّ بِالله, menyebut حَسْبِيَ الله, membaca basmallah بسم الله الرحمن الرحيم. membaca Al-Quran dan membaca doa-doa yang ma'tsur dan mustajab, iaitu membaca doa-doa yang diterima daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh kerana pentingnya zikir dalam kehidupan, maka ulama-ulama besar seperti Al Imam An-Nawawi telah mengumpulkan zikir-zikir daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menyebutkan penggunaannya, berdasarkan tempat, masa dan lain-lain. Semua ini menjelaskan bahawa segala ruang waktu itu adalaj perlu diisi dengan zikir. Tanpa zikir, hati kita akan terasa kosong dan sangatlah besar kerugiannya, sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud :

Maksudnya : *"Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu : bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : Tidak ada suatu yang berdiri meninggalkan suatu majlis padahal mereka itu belum sempat berzikir kepada Allah Ta'ala di majlis itu, melainkan mereka berdiri meninggalkannya adalah mereka seperti bangkai keldai dan bagi mereka itu kekecewaan."*

Ketahuilah tiada jalan lain yang patut kita ikuti untuk menjaga iman dan akidah kita selain daripada berpegang teguh dengan Al-Quran dan As-Sunnah serta akidah Ahli Sunnah Waljamaah. Rujuklah kepada pihak yang berkenaan dan yang lebih arif jika timbul sebarang keraguan terhadap masalah agama. Semoga dengan demikian kita akan sentiasa berada di jalan yang benar dan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Surah Ali 'Imran, ayat 83 :

Tafsirnya : *"Adakah mereka mencari agama yang lain daripada agama Allah? Padahal kepada-Nya tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan hanya kepada-Nya lah mereka dikembalikan."*

Belia perlu berfikiran terbuka, kreatif

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Bacaan ikrar merupakan satu tugasan yang harus dibuat sejak negara menyambut sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan bermula dari tahun 1984 dan sehingga kini ia tetap dipersembahkan sebagai tanda kesyukuran dan janji kita sebagai rakyat Brunei kepada raja kita.

Dalam temu bual bersama Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abdul Manaf selaku Ketua Pasukan Ikrar menjelaskan persediaan pasukan ikrar untuk Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang telah diatur selama dua bulan dengan mengikut program yang telah disediakan oleh jurulatih.

Tambahnya, sesi latihan telah bermula pada minggu ketiga dan keempat bulan Januari yang lalu yang mana pasukan ikrar telah membuat latihan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pemilihan pembaca ikrar jelasnya, dibuat mengikut proses yang agak singkat, iaitu pada minggu pertama semua peserta khusus peserta lelaki, diuji tahap vokal masing-masing dan kemudian diisikan dengan intonasi yang diajar dan seterusnya pula dilihat bagaimana perkembangan para peserta ikrar yang dikehendaki.

Jelasnya, antara ciri-ciri yang perlu yang ada pada pembaca ikrar ialah mempunyai tahap kualiti vokal, sebutan dan lontaran suara yang bertenaga, di samping mempunyai penampilan yang bersesuaian.

Beliau seterusnya menjelaskan, selaras dengan tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara' membawa maksud para belia juga mestilah mempunyai fikiran yang terbuka dan kreatif dalam diri masing-masing agar mereka akan tetap dan terus maju serta menjadi seorang yang berjaya dalam apa jua bidang.

PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Muhammad Ihsan Sabri bin Haji Abdul Manaf selaku Ketua Pasukan Ikrar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Lembaga Tabung Amanah Pekerja isytihar dividen simpanan TAP dan SCP

Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa Lembaga Tabung Amanah Pekerja mengisytiharkan dividen simpanan TAP dan SCP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2016 pada kadar 1 peratus.

Dividen pada Tahun Kewangan 2015 - 2016 ini telah pun dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli TAP dan SCP pada 23 Februari 2017. Ahli boleh mendapatkan maklumat akaun mereka dengan menggunakan perkhidmatan Online e-Amanah melalui www.tap.com.bn ataupun melalui Kiosk e-Info TAP.

Dengan kadar tersebut, sebanyak Dua Puluh Tiga Juta, Tujuh Ratus Sembilan Belas Ribu, Sembilan Ratus Enam Puluh Tiga Ringgit dan Lapan Puluh Tiga Sen (BND23,719,963.83) telah pun dimasukkan ke dalam 144,634 akaun ahli TAP dan sebanyak Lapan Juta, Empat Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu, Satu Ratus Lapan Puluh Tujuh Ringgit dan Lima Puluh Sembilan Sen (BND8,472,187.59) telah pun dimasukkan ke dalam 135,344 akaun ahli SCP bagi Tahun Kewangan 2015 - 2016.

Untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan perkhidmatan *online* e-Amanah bagi ahli-ahli TAP, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2382800 semasa waktu bekerja.

Forum Hari Kebangsaan bahas MIB Menjana Kecemerlangan Wawasan 2035

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum Hari Kebangsaan Kali Ke-33 Tahun.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman

MENTIRI, Rabu, 22 Februari. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun 2017, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara mengadakan Majlis Keugamaan Sembahyang Fardu Maghrib dan Doa Kesyukuran.

Turut mengadakan majlis keagamaan tersebut, ialah Masjid Kampung Mentiri, dengan mengelolakan acara sampingan iaitu Majlis Forum Hari Kebangsaan Kali Ke-33 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Terdahulu, majlis bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Doa Kesyukuran sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Ini diikuti dengan forum yang menampilkan dua orang panel bagi membahaskan tajuk 'Melayu Islam Beraja (MIB) Menjana Kecemerlangan Wawasan 2035', iaitu Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdul Salam bin Haji Abdul Rahman.

Dalam forum berkenaan, Pengiran Dr. Khairul antara lain menyentuh mengenai gagasan atau hala tuju Wawasan 2035 iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam negara terkenal di mata dunia; melahirkan rakyat yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun; memiliki kualiti hidup yang terbaik setara dengan 10 negara teratas di seluruh dunia dan menghasilkan pendapatan per kapita yang tinggi setara dengan 10 negara teratas di seluruh dunia.

Juga hadir pada majlis tersebut, Ketua Kampung Mentiri, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta penduduk kampung berkenaan.

AHLI-AHLI panel, iaitu Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdul Salam bin Haji Abdul Rahman membahaskan tajuk 'Melayu Islam Beraja (MIB) Menjana Kecemerlangan Wawasan 2035'.

Forum bicara fenomena kehidupan hedonisme

Berita dan Foto :
Ihsan Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Dewasa ini, kita sering mendengar perihal hidup masyarakat yang begitu megah dengan hiburan berlebih-lebihan, kehidupan boros yang tidak bertempat, budaya melepak dalam kalangan muda-mudi dan yang sewaktu dengannya.

Fenomena kehidupan yang sebegini, atau lebih dikenali dengan hedonisme, begitu meluas di dunia masa kinisehingga kita nampak impaknya menular masuk kedalam kehidupan umat Islam itu sendiri.

Persoalannya adakah fenomena ini selari dengan ajaran Islam? Gaya hidup yang asing ini menjadi isu yang ditekankan oleh baginda Sultan pada Hari Belia Kebangsaan Ke-10 pada tahun 2015 yang lalu.

Sehubungan itu, Kumpulan Belia Syababul Iman bertindak proaktif dengan mendedahkan atau mendidik masyarakat, terutamanya golongan belia dan para ibu bapa, akan fenomena hedonisme ini.

Demikian antara yang dibicara-kan pada forum yang dianjurkan oleh Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong yang menampilkan tiga orang ahli forum, iaitu Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Kamaru Salam Yusof; Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid, penceramah dari Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Penceramah bebas MUIB berkelulusan bidang Usuluddin dari Mesir, Awang Hilman bin Haji Salim.

Objektif forum antara lain untuk memahami maksud hedonisme dari pandangan barat dan Islam; memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kesan negative hedonisme; memahami konsep kesenangan atau kebahagiaan dalam Islam dan mendidik masyarakat agar sentiasa hidup berpandukan Al-Quran dan Sunnah.

Pengerusi atau moderator bagi sesi forum pula akan dikendalikan oleh Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, yang merupakan graduan Ph.D dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan.

Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali merupakan sebuah kelab belia masjid dibawah naungan Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong yang mana kumpulan itu baru ditubuhkan secara rasmi pada 23 Mac 2012 yang lalu.

DR. Kamaru Salam Yusof semasa menyampaikan ceramah beliau semasa forum yang dianjurkan oleh Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.

Terus dukung hasrat institusi MPK Bunut

PENGHULU Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus bergambar ramai bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Bunut pada mesyuarat tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MUKIM KILANAS, Jumaat, 24 Februari. - Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bunut Perpindahan diadakan bertempat di Rumah Ikatan Persatuan Belia Bunut (IKERAB), Kampung Bunut, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus.

Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Awang Haji Durahim bin Hassan dalam ucapan alu-aluannya di mesyuarat tersebut berkata, mesyuarat yang diadakan antara lain bertujuan untuk membubarkan ahli jawatankuasa yang lama (2012-2017) dan melantik ahli jawatankuasa yang baru bermula 2017 hingga 2022, iaitu bagi tempoh lantikan selama lima tahun.

Majlis Perundingan Kampung (MPK) jelasnya, akan terus berusaha mendukung hasrat institusi MPK ke arah pelaksanaan untuk mengungkayahkan sebarang aktiviti yang berkebajikan terutama untuk kemajuan dan kesejahteraan penduduknya.

Menurut beliau, bagi melaksanakan hasrat demikian sudah setentunya setiap orang yang diamanahkan terutama yang telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa akan mengambil peranan dan berkorban bagi sama-sama berusaha,bekerjasama dalam mencapai tujuan dan matlamat yang diharapkan bersama.

Demikian juga penduduk-penduduk kampung tambahnya, akan dapat mengambil peranan untuk melibatkan diri dalam apa jua pengungkayahan aktiviti-aktiviti yang berkebajikan, di mana kesepakatan, sokongan dan kerjasama adalah amat diperlukan.

KNK Kenali Negara Kitani

Vermi Kompos jana ekonomi MPK Pandan 'A'

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Syahi Haji Ludin

BAGI mereka yang melibatkan diri dengan dunia pertanian setentunya tidak asing dengan Baja Vermi Kompos (baja cacing) yang memberikan banyak kebaikan pada tanam-tanaman. Namun bagi mereka yang belum mengetahuinya, Baja Vermi Kompos (baja cacing) jika digunakan pada bunga-bungaan, sayuran dan buah-buahan akan memberikan banyak kebaikan antaranya dapat memperbaiki struktur tanah, meningkatkan daya menahan air dan memperkayakan tanah dengan mikro organism. Selain itu, Vermi Kompos (baja cacing) juga dapat mempercepatkan percambahan biji benih dan pembesaran tumbuh-tumbuhan yang sihat, meningkatkan kualiti dan hasil tanaman.

Menyedari akan potensi yang dapat diperolehi melalui baja berkenaan serta manfaat yang diberikan dengan penggunaan baja tersebut pada tanam-tanaman, maka Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pandan 'A' telah menjadikannya sebagai satu produk perekonomian kampung tersebut di bawah program Satu Produk Satu Kampung. Pengerusi Projek Perekonomian MPK Pandan 'A', Awang Haji Ali bin Mat menjelaskan, beliau mempelajari teknik bagi menghasilkan Baja Vermi Kompos itu dari Selangor, Malaysia dengan hanya berkomunikasi melalui telefon bersama salah seorang yang pakar dalam pemeliharaan cacing bagi menghasilkan Baja Vermi Kompos.

Memelihara cacing-cacing ini jelasnya, memerlukan kerajinan dan tidak boleh dilakukan dengan hanya sambil lewa sahaja. Beliau menjelaskan, cacing-cacing peliharaannya akan diberi minum air gula seminggu sekali, malahan dimandikan setiap pagi. Dalam menjayakan projek tersebut, mereka memelihara cacing-cacing pelbagai jenis antaranya Blue Worm, African Worm dan Red Ridgleer yang mana cacing-cacing tersebut memakan bahan-bahan buangan seperti daun-daun, *tray* telur dan mukah kulat.

SEJARAH RINGKAS PROJEK

Mengimbas sejarah ringkas projek berkenaan, Awang Haji Ali menjelaskan projek bermula pada bulan Jun 2010 di kawasan rumah salah seorang Ahli MPK Pandan 'A', Awang Kifrawi bin Haji Maaruf, yang tinggal dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan 'A', Kuala Belait dengan membiakkan kira-kira satu kilogram hingga 11kg cacing. Cacing-cacing tersebut berjaya menghasilkan baja kompos sejumlah 200kg baja. Pada bulan Ogos 2010, projek berpindah ke kawasan rumah Awang Haji Ali di mana sebuah pondok sementara bernilai kira-kira BND845 telah dibina dan pembiakan cacing-cacing berjalan dengan jayanya. Pada tahun 2014, sebuah bangunan kekal siap dibina dan digunakan untuk menternak cacing-cacing bagi menghasilkan Baja Kompos, bertempat di sebuah kawasan lapang di Simpang 29-10, RPN Kampung Pandan 'A'.

Projek juga dijayakan dengan bantuan peralatan yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Mesin pengisar makanan cacing disumbangkan oleh Ketua Kampung Pandan 'A', manakala benih cacing pula diberi bantuan oleh Jabatan Daerah Belait.

MENDAPAT SAMBUTAN

Baja Vermi Kompos yang dihasilkan oleh MPK Pandan 'A' ini memang mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pengguna baja. Bagi satu bungkus (berat 1kg) dijual dengan harga BND3. Kepada para pelanggan yang ingin mendapatkan bekalan baja kompos bolehlah datang sendiri mendapat mendapatkan bekalan tersebut di pondok berkenaan. Selain itu, baja juga dibekalkan kepada penjual-penjual bunga di Tudong Saji ataupun semasa ekspo-ekspo jualan anjuran Majlis-Majlis Perundingan Mukim / Kampung dan juga jabatan-jabatan kerajaan.

Kampung Pandan 'A' terkandung di dalam Mukim Kuala Belait di bawah kepimpinan Ketua Kampung, Awang Sulaiman bin Haji Udin yang dilantik sebagai Ketua Kampung Pandan 'A' pada bulan Mei 2005. Ketika ini, Kampung Pandan 'A' mempunyai seramai lebih lima ribu lapan ratus orang penduduk yang majoritinya terdiri dari bangsa Melayu selain bangsa China, Iban dan lain-lain. Adalah diharapkan para penduduk kampung berkenaan akan terus saling bersatu padu dan bekerjasama ke arah mengembangmajukan lagi perekonomian kampung tersebut dan sekali gus membantu kerajaan dalam menjana ekonomi negara.



PENGERUSI Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pandan 'A', Awang Haji Ali bin Mat.



MEMELIHARA cacing-cacing untuk menghasilkan Baja Vermi Kompos memerlukan kerajinan dan tidak boleh dilakukan dengan hanya sambil lewa.

SALAH satu alat yang digunakan untuk pemprosesan.

Kampung Pandan 'B' pernah dianugerahkan Kampung Indah dan Bersih

Oleh : Hadiwansuaikalman Haji Mohd. Diah
Foto : Syahi Haji Ludin

KAMPUNG Pandan 'B' ditubuhkan pada tahun 2007 apabila pada tahun 2006 dibukakan calon untuk menjadi ketua kampung dan ketika itu Kampung Pandan dipecahkan kepada 3 bahagian, iaitu Kampung Pandan 'A', Kampung Pandan 'B' dan Kampung Pandan 'C'. Pada masa itu, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Abu Bakar dicalonkan untuk menjadi Ketua Kampung Pandan 'B' dan pada 23 Jun 2007, Awang Haji Abdul Malik telah menjadi Ketua Kampung Pandan 'B'.

KETUA Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Haji Abu Bakar.

KERAMAIAN PENDUDUK

Keramaian penduduk di Kampung Pandan 'B' hampir mencecah 6,000 orang. Dari jumlah tersebut 400 lebih orang menerima pencen tua, 22 orang menerima bantuan kebajikan, 10 orang menerima bantuan orang gila dan 1 orang kurang penglihatan. Yang mana penduduknya terdiri daripada pelbagai masyarakat iaitu Puak Belait, Tutong, Kedayan, Melayu, Tutong, Iban, Cina dan juga India. Penduduk yang tinggal di Kampung Pandan 'B' bekerja dengan sektor kerajaan dan juga swasta.

KEMUDAHAN ASAS

Kampung Pandan 'B' serta kawasan sekitarnya juga menerima kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik dan jalan raya selain daripada kemudahan awam contoh bangunan **perseranan** yang telah disediakan di kampung tersebut. Di Kampung Pandan 'B' juga ada mempunyai beberapa peringkat sekolah seperti sekolah rendah satu, sekolah menengah satu, dua buah sekolah swasta.

AKTIVITI KAMPUNG

Mereka juga ada mengadakan beberapa aktiviti yang dapat meningkatkan silaturahim di antara satu sama lain seperti penjiranan kampung yang melibatkan belia-belia di kampung tersebut dan mereka juga ada melakukan aktiviti yang berfaedah contohnya melakukan aktiviti sukan seperti futsal dan juga sepak takraw agar belia-belia dapat mengisi masa lapang dengan sebaiknya. Mereka juga ada mengadakan Bengkel Dikir Syarafil Anam, iaitu Dikir Brunei lama bagi Majlis Perundingan Kampung Pandan Daerah Belait anjuran Majlis Perundingan Kampung Pandan 'B' dengan kerjasama bahagian institusi mukim dan kampung Jabatan Daerah Belait pada tahun 2012.

EKONOMI

Dari segi ekonomi pula, penduduk di Kampung Pandan 'B' juga ada menjalankan pelbagai perniagaan kecil-kecilan untuk menyara dan menambah sumber rezeki mereka masing-masing seperti membuat rumah kedai yang menjual barang-barang keperluan, membuat restoran, perkhidmatan mencuci kereta, menjual nasi katok yang bermacam-macam perisa, menyediakan tempat menyewa pakaian pengantin dan bermacam-macam lagi. Dengan melakukan perniagaan begini ini akan dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dengan penurunan kadar pengangguran dalam kawasan tersebut.

PENCAPAIAN KAMPUNG

Kampung Pandan 'B' juga menerima beberapa pencapaian kampung, iaitu pada tahun 2014, Kampung Pandan 'B' telah dianugerahkan kebersihan dan keindahan kawasan rancangan perumahan negara Sempena Hari Mesra Pelanggan 2014 dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang menunjukkan kebersihan adalah salah satu perkara yang penting diterapkan kepada penduduk di Kampung Pandan 'B' supaya persekitaran sentiasa bersih agar sentiasa bersih dan Kampung Pandan 'B' juga memenangi Perlawanan Dikir ke Seluruh Negara Mukim Tahun 2015, iaitu johan bagi lelaki dan manakala bagi wanita pula mereka telah mendapat nombor 3.

Majlis keugamaan sempena Hari Kebangsaan

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail (lima, kiri) bersama pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi turut mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin serta Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi

RIYADH, ARAB SAUDI, Rabu, Februari. - Sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia rahmat ke atas bumi Brunei Darussalam yang terus dikurniakan keamanan dan kemakmuran sepanjang 33 tahun menjadi sebuah negara merdeka, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi turut mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin serta Doa Kesyukuran Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33.

Pada majlis yang diadakan di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi itu, acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib yang diimamkan oleh Setiausaha Kedua, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi, Awang Mohammad Joehimie Anuar, diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran.

Manakala Sembahyang Fardu Isyak pula dipimpin oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Majlis keugamaan bertujuan bagi memohon ke hadrat Ilahi agar Negara Brunei Darussalam, raja, rakyat dan penduduk serta segala isi di dalamnya dan seluruh teluk rantau dan jajahannya, akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan pada setiap 23 Februari dan tahun ini merupakan sambutan buat kali ke-33 yang membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Sekolah Pembelajaran Tinkerbell anjur ceramah Penjagaan Pergigian

Berita dan Foto : Ihsan Ady Shairazy

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Dalam usaha mempromosikan penjagaan kesihatan mulut dengan betul untuk warga sekolah, terutama sekali kanak-kanak bagi menghindari penyakit yang mudah berjangkit, Sekolah Pembelajaran Tinkerbell telah menganjurkan Ceramah Penjagaan Kesihatan Mulut dan aktiviti berkaitan untuk pelajar peringkat pra dan rendah.

Ceramah yang diadakan di kawasan halaman Sekolah Pembelajaran Tinkerbell di Kampung Sungai Orok, Kampung Salambigar telah dikendalikan oleh beberapa orang jururawat pergigian dari Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementarian Kesihatan.

Acara dimulakan dengan ceramah berbentuk pendidikan bagi penjagaan mulut oleh salah seorang jururawat dari Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan.

Di dalam ceramah tersebut, pelajar-pelajar diberi tunjuk ajar tentang kepentingan kebersihan mulut, cara-cara memberus gigi yang betul dan penjagaan kesihatan yang sihat.

Acara hari itu diteruskan dengan cara-cara memberus gigi yang betul sebelum pelajar-pelajar menikmati hidangan ringan.

"Di antara kunci penjagaan gigi yang sihat adalah memberus dengan ubat gigi yang sesuai sekurang-kurangnya 2 minit," jelas salah seorang jururawat berkenaan.

Beliau juga menambah bahawa mempunyai rutin ini pada peringkat awal mempunyai kesan yang terbukti hingga dewasa.

PELAJAR-PELAJAR Sekolah Pembelajaran Tinkerbell, diberi tunjuk ajar tentang kepentingan kebersihan mulut, cara-cara memberus gigi yang betul dan penjagaan kesihatan yang sihat.

DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bersama keluarga dan para pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Riyadh, Arab Saudi.

Hari Terbuka IBTE pada 25 dan 26 Februari 2017

Siaran Akhbar : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sekali lagi menganjurkan Hari Terbuka dan Sesi Khidmat Nasihat tahunannya bagi pengambilan Julai 2017 yang akan datang pada 25 dan 26 Februari 2017.

Acara ini akan diadakan di kampus IBTE SATELLITE yang merangkumi Kampus IBTE Jefri Bolkiah, Kuala Belait; Kampus IBTE Sultan Bolkiah, Seria dan Kampus IBTE-Agro Technology, Wasan bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Hari Terbuka ini bertujuan untuk memberikan peluang orang ramai melihat dengan lebih dekat mengenai kursus yang ditawarkan dan peluang berinteraksi dengan tenaga pengajar dan pelajar IBTE.

Di samping itu, perkhidmatan dalam talian untuk mendaftar bagi kursus juga akan disediakan oleh pihak kampus masing-masing pada acara tersebut nanti.

Beberapa aktiviti turut diadakan semasa hari terbuka termasuk pameran untuk mengikuti latihan, demonstrasi bengkel, lawatan di sekitar kawasan kampus dan jualan makanan oleh pelajar IBTE.

Beberapa buah syarikat iaitu MC BIOTECH Sdn. Bhd., Brunei Halal (Ghanim Antarabangsa), Tamada Nursing Services SDN. BHD., Golden Corporation Sdn. Bhd., Baxter Healthcare (Asia), HISEATON Fisheries Sdn. Bhd. juga telah dijemput untuk mempamerkan peluang pekerjaan di syarikat masing-masing dan juga mempromosikan produk mereka.

Bagi pengambilan Julai 2017 Kampus IBTE Jefri Bolkiah, Kuala Belait melalui Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan Satelit (SEES) menawarkan kursus HNTec in Building Services Engineering, HNTec in Instrumentation and Control Engineering dan HNTec in Plant Engineering.

Manakala Akademi Maritim Brunei menawarkan kursus-kursus IBTE Diploma in Marine Engineering, IBTE Diploma in Nautical Studies, Apprenticeship in Deck Ratings dan Apprenticeship in Engine Ratings.

Sementara Kursus yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Branch) ialah dalam HNTec in Computer Networking dan HNTec in Information Technology.

Majukan negara capai Wawasan 2035

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Tiga puluh tiga tahun Negara Brunei Darussalam (NBD) kini sudah meraikan Hari Kebangsaan setelah mencapai kemerdekaan sepenuhnya dan tiba masa kematangannya itu menyasarkan satu arah tuju yang lebih jitu dalam pembangunannya sebanding negara-negara yang pesat membangun.

Sambutan Hari Kebangsaan walaupun disambut setiap tahun, akan tetapi apa yang penting ialah motif utamanya bagi menaikkan lagi semangat patriotisme di sanubari setiap rakyat dan penduduk bagi sama-sama mengembleng ke arah memajukan negara terutama dalam sasaran kita mencapai Wawasan Negara 2035 dengan jayanya.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad semasa ditemui Pelita Brunei sangat menjunjung tinggi titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Kali Ke-33 yang antara lain menyentuh bahawa erti kemerdekaan adalah mendalam sebagai sejarah bangsa, bahkan seperti mahkota bangsa.

Yang Berhormat menjelaskan, sebagai rakyat di bumi Brunei Darussalam ini seharusnya mempertahankan kedaulatan serta mensyukuri usaha-usaha kerana kita dapat hidup dalam suasana aman dan damai.

Setiap rakyat katanya, perlu memainkan peranan di dalam menjayakan dan mencapai Wawasan 2035, menurut bidang masing-masing secara bekerjasama sebagai sebuah negara tidak kira dari sektor, umur dan latar belakang mana sekalipun.

Yang Berhormat juga selaku Yang Di-Pertua Majlis AIDS NBD seterusnya menambah, sebagai salah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di negara ini, pihak Majlis AIDS memainkan peranan di dalam menangani isu sosial dengan menyebarkan kesedaran mengenai HIV & AIDS, kehamilan remaja dan penyakit jangkitan hubungan kelamin.

"Mendukung salah satu pencapaian Wawasan 2035 iaitu kualiti kehidupan yang tinggi di kalangan 10 negara terbaik, maka usaha Majlis AIDS adalah membantu negara di dalam memastikan kes HIV dan AIDS terkawal serta orang-orang yang dijangkiti mendapat perkhidmatan kesihatan yang baik.

"Ini dapat dilihat dengan inisiatif Majlis AIDS seperti menyebarkan kesedaran HIV dan perkara berkaitan di kalangan belia; memberikan bimbingan kepada kalangan ahli Majlis AIDS sebagai pemimpin muda di dalam kerja berpersatuan; serta melibatkan masyarakat di dalam bekerjasama bersama pihak kerajaan, swasta dan orang-orang persendirian di dalam mengadakan aktiviti kesedaran yang bersesuaian," ujarnya.

Manakala, Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari ketika memberikan respons mengenai titah perutusan Kebawah DYMM yang menyentuh tentang nilai-nilai moral berkata kita sebagai rakyat perlulah mengamalkannya dalam usaha mencapai Wawasan 2035.

"Inilah sifat-sifat yang patut dilatih dari kecil lagi agar kita lebih beramanah dalam menjalankan tugas dan kehidupan seharian," jelasnya.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Usaha membangunkan negara tambahnya, melibatkan semua pihak tidak mengira bangsa dan agama, kita semua mempunyai tanggungjawab dan juga peranan dalam menyumbang kepada pembangunan mapan.

Sementara itu, salah seorang pegawai kerajaan berkata, saranan Kebawah DYMM dalam titah perutusan itu bagi semua peringkat generasi di Negara Brunei Darussalam memahami erti sebenar kemerdekaan sewajarnya diberikan perhatian serius.

Awang Azman bin Haji Abdul Rahim berpendapat peringatan Kebawah DYMM agar kemerdekaan tidak dicuaikan, adalah sesuatu yang tinggi nilainya dari seorang pemimpin yang sentiasa ingin melihat anak bangsa sentiasa hidup di dalam suasana yang selesa, bahagia dan sejahtera.

"Kemerdekaan bukanlah satu perkara yang boleh diraih dengan mudah, tetapi memerlukan kesungguhan dan keazaman yang tinggi malahan pengorbanan yang sering kali mengakibatkan pertumpahan darah di dalam memperjuangkannya," jelasnya.

Beliau bersetuju bahawa perbuatan 'menyembaranakan' kemerdekaan sepertimana terkandung di dalam titah tersebut perlu dielakkan disebabkan ia boleh menjerumuskan negara kepada keburukan.

Dari itu, tambahnya, usaha-usaha perlu dipergiatkan agar masyarakat Brunei, khususnya generasi akan datang, dapat mengikuti program-program yang menjurus kepada pembentukan sikap insan menghargai dan menyayangi kemerdekaan.

Mengenai titah sempena sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-33 secara keseluruhan, Awang Azman selanjutnya berkata ketiga-tiga perkara yang disentuh oleh Kebawah DYMM, iaitu tema sambutan - 'Menjayakan Wawasan Negara'; keburukan mekanisme yang 'korup' dan seruan bagi memahami erti sebenar kemerdekaan adalah tepat pada masanya serta jelas dan padat.

AWANG Azman bin Haji Abdul Rahim semasa ditemu bual.

Tingkatkan iltizam membangun negara

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

PELANCONG yang berasal dari United Kingdom, Kimberley Hendoa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - 'Menjayakan Wawasan Negara' merupakan tema Sambutan Hari Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang sangat relevan kerana kita sebagai rakyat dan penduduk masing-masing adalah pendiri bangsa.

Setiausaha Agung Tertinggi Majlis Belia Brunei, Awang Zefri Ariff berkata, kita perlu mempunyai komitmen terhadap pembangunan bangsa, lebih-lebih lagi kalangan belia yang seharusnya dapat memberi suatu komitmen dan perhatian yang jelas terhadap apa sahaja yang dimaksudkan dengan wawasan negara termasuk Wawasan Brunei 2035, Wawasan Negara Zikir dan wawasan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam, Melayu Islam Beraja.

"Sehubungan itu, kita telah melihat banyak pembangunan infrastruktur, pembangunan dari segi sumber tenaga manusia *(human resource)*, pendidikan dan sebagainya dan telah berlaku dengan begitu tersusun, kita menginginkan sesuatu yang lebih cepat lagi agar setiap gerak kerja yang berwawasan itu dapat dipacu dengan lebih baik dan lebih terarah," ujarnya ketika ditemui oleh Pelita Brunei pada Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 yang berlangsung di ibu negara, di sini.

Menurutnya lagi, dengan maksud bahawa setiap apa yang kita lakukan itu perlulah mempunyai satu kesejajaran dan satu gerak kerja yang senergi di antara satu entiti dengan entiti yang lain kerana kita tidak mahu melihat bahawa entiti itu hanyalah entiti persendirian atau individu tetapi entiti yang dikatakan, seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, secaruk sepengayuhan.

Beliau menambah, kita mahu melihat semua yang kita lakukan adalah mengarah kepada satu matlamat yang sama dan ini perlu difahamkan oleh setiap ahli masyarakat termasuk golongan belia agar mereka juga mempunyai satu iltizam atau kemahuan bersatu semangat untuk bersama-sama membangun negara dari pelbagai perspektif, pelbagai potensi dan pelbagai upaya yang mereka miliki.

Dalam usaha ini katanya lagi, kita juga perlu ada kerjasama di antara setiap sektor dalam masyarakat termasuk dalam sektor kerajaan, swasta, persendirian dan sektor yang melihat kepada komuniti kerana gerakan-gerakan komuniti seperti persatuan-persatuan belia juga perlu dimantapkan agar ia dilihat sebagai satu platform yang akan dapat mencipta suatu gerak kerja yang tersusun, dalam masa yang sama mereka dapat menyusun diri mereka dan dapat memberikan satu pengetahuan asas terhadap bagaimana untuk berorganisasi, bagaimana untuk bergerak dalam kumpulan dan bagaimana untuk memimpin masyarakat yang lebih besar lagi.

Manakala menurut salah seorang pelancong yang berada di negara ini, Kimberley Hendoa yang berasal dari United Kingdom menjelaskan, beliau yang baru sahaja sampai di negara ini kelmarin berpendapat Negara Brunei Darussalam merupakan negara yang damai.

Beliau ingin tahu bagaimana suasana Negara Brunei Darussalam dan justeru itu berhasrat bermalam untuk beberapa hari di negara ini.

"Saya merasa beruntung kerana dapat sama-sama menyaksikan upacara perhimpunan agung pada hari ini di mana perhimpunan rakyat dan penduduk negara ini sangat menakjubkan dengan uniform masing-masing. Negara Brunei Darussalam juga mempunyai rakyat dan penduduk yang sangat ramah serta prihatin," ujarnya.

Beliau seterusnya mendoakan rakyat serta penduduk dan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan baik.

Bagi Melvin Tulod yang berasal dari Filipina juga merasa beruntung kerana berpeluang untuk kali ketiga merasai keseronokan upacara perhimpunan agung pada tahun ini.

Jelasnya, perhimpunan agung setiap tahun mempunyai keistimewaannya tersendiri dan melalui upacara ini akan menarik lebih ramai pelancong untuk ke negara ini dan semestinya melalui upacara seumpama ini akan menyerlahkan lagi identiti Negara Brunei Darussalam yang aman damai.

PELANCONG dari Filipina, Melvin Tulod semasa ditemu bual.

SETIAUSAHA Agung Tertinggi Majlis Belia Brunei, Awang Zefri Ariff.

Bazar AMAL 2K17 1.0 bermula 27 Februari di Dewan Muhibbah

Siaran Akhbar : BattlePro MMS

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Februari. - Dalam beberapa hari sahaja lagi akan berlangsungnya Bazar AMAL 2K17 1.0 akan diadakan di penghujung bulan Februari tahun 2017.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Berakas mulai daripada 27 Februari 2017 sehingga 2 Mac 2017, dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam.

Bazar Amal yang dikendalikan oleh Battle Pro Marketing & Management Services (BattlePro MMS) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara itu bertujuan untuk mengumpul dana bagi Tabung Amal Jabatan Daerah Brunei dan Muara bagi membantu mangsa-mangsa bencana yang tidak terduga.

Selain itu, bazar ini juga mengetengahkan para usahawan muda dan usahawan tempatan sebagai peluang mereka untuk produk-produk dan jenama mereka kepada orang awam.

Antara produk-produk yang akan dijual termasuk pakaian fesyen terkini, produk kecantikan, barang keperluan harian dan sebagainya.

Para pengunjung juga berpeluang untuk mengikuti cabutan bertuah dan memenangi hadiah-hadiah menarik seperti sebuah kereta BMW X1, pakej umrah dan pakej percutian.

Semangat jati diri belia bakal jayakan wawasan negara

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari . - Suasana di ibu negara seawal pagi lagi dimeriahkan dengan kehadiran ribuan peserta serta pengunjung dari segenap lapisan masyarakat termasuk pelancong asing bagi menyaksikan Acara Kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 di Taman Sir Muda Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Walaupun hujan turun semasa berlangsungnya sambutan berkenaan, ia tidak menghalang para peserta perbarisan untuk mempamerkan semangat patriotisme mereka sebagai menghargai detik bersejarah tersebut.

Malahan, orang ramai juga tidak berganjak bagi menyaksikan perarakan sambutan yang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' itu.

Sokongan dan penglibatan rakyat khususnya generasi muda dalam sama-sama memeriahkan acara sambutan itu turut melambangkan semangat perpaduan yang kukuh dan rasa cinta mereka kepada negara.

Pelita Brunei berpeluang menemu bual beberapa peserta yang terlibat dalam acara perbarisan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 bagi mengongsikan ucapan mereka dalam menghayati tema sambutan pada tahun ini.

Dayang Syaffiz Syaffinaz Emydiora binti Haji Karim, 17 tahun berkata bahawa, golongan belia akan terus maju dan meningkatkan semangat jati diri demi menjayakan wawasan negara pada tahun ini sejajar dengan tema Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini.

Sementara itu, Dayang Lina Aqilah binti Haji Isa, 13 tahun berharap agar generasi berwawasan pada tahun ini akan menjadi lebih bersemangat dari sebelumnya sebagai langkah menuju ke arah mencapai Wawasan 2035.

Manakala, Dayang Siti Asmaa Nadzirah binti Raya, 22 tahun berharap bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 ini supaya negara ini akan kekal aman dan makmur di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta dapat melahirkan lebih ramai generasi berwawasan.

Bagi Dayang Rina binti Ajak, beliau berharap agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan terus melangkah maju ke hadapan dalam sama-sama merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Dalam pada itu, Awang Muhd. Fakhrul Lizam bin Haji Sahepol, 14 tahun, berkata tema Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 pada tahun ini mendorong kita untuk menanai tanggungjawab serta bersatu padu dan berdiri teguh demi menjayakan wawasan negara.

"GOLONGAN belia akan terus maju dan meningkatkan semangat diri demi menjayakan wawasan negara pada tahun ini sejajar dengan tema Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33," Dayang Syaffiz Syaffinaz Emydiora binti Haji Karim, 17 tahun, sukarelawan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"HARAPAN saya adalah agar generasi berwawasan pada tahun ini menjadi lebih bersemangat dari sebelumnya sebagai langkah ke arah mencapai Wawasan 2035," Dayang Lina Aqilah binti Haji Isa (kanan sekali), 13 tahun, penuntut Sekolah Seri Mulia Sarjana.

"BERSEMPENA Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, saya berharap supaya negara ini kekal aman dan makmur di bawah naungan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta agar melahirkan lebih ramai generasi yang berwawasan," Dayang Siti Asmaa Nadzirah binti Raya (tengah), 22, Kadet Pancaragam Tentera Politeknik Brunei.

"SAYA berharap agar rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan terus melangkah maju ke hadapan dalam sama-sama merealisasikan Wawasan Negara 2035," Dayang Rina binti Ajak (tengah), 36 tahun, Guru Pelatih Kadet Polis Sekolah Menengah Menglait.

"TEMA Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 pada tahun ini mendorong kita dalam menanai tanggungjawab serta bersatu padu dan berdiri teguh demi menjayakan wawasan negara," Awang Muhd. Fakhrul Lizam bin Haji Sahepol, 14 tahun, penuntut Sekolah Menengah Saiyidina Abu Bakar.

Pengawasan Kejiranan sertai Perbarisan Hari Kebangsaan Ke-33

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Pada tahun ini, seramai 200 Ahli Pengawasan Kejiranan menyertai perbarisan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun.

Perbarisan diketuai oleh Ketua Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), DSP Awang Haji Mohamad Noor bin Haji Abd. Rahman.

Pada masa ini keahlian Pengawasan Kejiranan adalah sebanyak 108 buah kampung dengan keramaian 1,674 ahli.

Pasukan Polis Diraja Brunei mengalu-alukan orang ramai untuk menyertai Pengawasan Kejiranan terutama sekali para belia sesuai dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara' dan juga Wawasan 2035 yang menjurus kepada keselamatan di tempat awam.

SERAMAI 200 Ahli Pengawasan Kejiranan menyertai perbarisan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Ketua Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), DSP Awang Haji Mohamad Noor bin Haji Abd. Rahman.

Belia berperanan kekalkan keharmonian negara

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

DAYANG Siti Nor Hazimah binti Zakaria besama-sama anak murid latihan beliau yang mengikuti persembahan 'Bicara Berirama'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Lebih tiga dekad Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaannya di mana pelbagai kemajuan dan transformasi telah dilaksanakan, namun usaha ini hendaklah diteruskan oleh golongan belia.

Masa depan negara terletak kepada keupayaan serta peranan golongan belia dalam memastikan pembangunan negara sentiasa terjamin selaras dengan usaha negara untuk melestarikan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), menanai konsep Negara Zikir, di samping merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal.

Selain itu, pihak kerajaan juga amat menitikberatkan tahap kualiti pendidikan dan latihan bagi golongan belia yang mana pendidikan itu merangkumi kepentingan menuntut ilmu ukhrawi dan duniawi kerana ia amat penting supaya kehidupan golongan belia itu bertambah baik dan dalam masa yang sama ajaran Islam tidak dipinggirkan selaras dengan falsafah MIB.

Melihat akan kepentingan peranan belia sebagai pemangkin pembangunan negara, Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa golongan belia semasa Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 Tahun di ibu negara.

Dayang Siti Hazimah binti Zakaria, 31, yang mengikuti persembahan 'Bicara Berirama' ketika ditemui melahirkan rasa teruja kerana dapat menyertai Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Beliau yang merupakan seorang lepasan graduan dari Institut Kemuda berkata, belia sering ditakrifkan sebagai golongan muda yang akan mewarisi kepemimpinan negara suatu masa nanti.

"Justeru, belia seharusnya memikirkan tanggungjawab dan peranan yang bakal mereka pikul dan galas pada masa depan.

"Memandangkan rintangan yang perlu ditempuhi oleh pemimpin negara pada masa kini amat mencabar, maka sudah tentu rintangan yang bakal ditempuhi oleh belia yang akan mewarisi tampuk pentadbiran negara, masyarakat atau sesebuah organisasi masa depan lebih mencabar.

"Oleh itu, belia wajar diberi peluang untuk sama-sama terlibat di dalam urusan dan pentadbiran sesebuah organisasi mahupun masyarakat," ujarnya.

Manakala bagi Dayang Fatin Nur Alifah binti Mohamad dan Dayang Nur Haziqah Najihah binti Haji Jaya, penuntut IBTE Kampus Bisnes dalam jurusan 'HNTEC Office Administration' turut menzahirkan perasaan yang sama.

Menurut mereka, peranan dan sumbangan belia amat penting dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan rakyat di samping menjadi tonggak kepada pentadbiran dan kepimpinan negara.

"Oleh itu, adalah penting untuk semua pihak, sama ada pihak kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat untuk memastikan belia dipimpin dengan sebaik-baiknya dan para belia pula harus melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang tinggi, kemahiran yang relevan untuk pembangunan ekonomi di samping berpegang pada nilai-nilai yang boleh menyumbang kepada kestabilan sosial di negara ini," jelas mereka.

DAYANG Fatin Nur Alifah binti Mohamad (kiri) dan Dayang Nur Haziqah Najihah binti Haji Jaya (kanan) penuntut IBTE Kampus Bisnes dalam jurusan HNTEC Office Administration, menurut mereka, peranan dan sumbangan belia amat penting dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan rakyat, di samping menjadi tonggak kepada pentadbiran dan kepimpinan negara.

TelBru sertai perarakan Hari Kebangsaan Ke-33

Siaran Akhbar dan Foto :
Telekom Brunei Berhad (TelBru)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Februari. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) tidak ketinggalan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perhimpunan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 bersama ribuan rakyat dan penduduk Brunei di mana seramai 118 pegawai dan kakitangan menyertai perarakan di ibu negara.

Perarakan ini menjadi acara tahunan TelBru bagi memperingati peristiwa penting dalam sejarah Negara Brunei Darussalam.

Kali ini perarakan diketuai oleh Ketua Pegawai Kewangan TelBru, Nurbahriah Eliza binti Abdullah dan Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat, Hajah Rosmawati binti Haji Abdul Manaf terdiri daripada 83 kakitangan lelaki dan 35 wanita termasuk kakitangan veteran, yang baru berkhidmat dan juga mereka yang akan bersara. Mereka telah berkumpul sebelum subuh di Bandar Seri Begawan dan sebelum ini juga telah mengikuti latihan-latihan bagi acara kemuncak.

Penyertaan tahunan ini adalah bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan kakitangan TelBru bagi membuktikan komitmen syarikat dalam menyokong Visi 2035, yang antara lain, menghargai penyertaan sumber manusia dalam pembangunan negara.

ANTARA kakitangan TelBru yang mengikuti perhimpunan dan perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33.

Warna-warni Hari Kebangsaan

PASUKAN Pembaca Ikrar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017 mengabdikan gambar kenangan bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

PARA peserta dari pelbagai etnik budaya dan bangsa yang bernaung di negara ini tidak ketinggalan menyertai Upacara Perbarisan Lalu walaupun dalam suasana hujan lebat (atas). Sementara gambar kanan, orang ramai sama-sama hadir memeriahkan suasana sambutan. Manakala gambar bawah, cuaca hujan tidak mematahkan semangat kanak-kanak ini membuat persembahan di sambutan tersebut. Seterusnya gambar bawah kanan, perbarisan lalu dari salah sebuah organisasi.

Warna-warni Hari Kebangsaan

PASUKAN Jabatan Perdana Menteri sama-sama memeriahkan suasana Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33 dengan menyertai perbarisan lalu (atas). Sementara gambar bawah kanan dan kiri, pelbagai golongan masyarakat dari beberapa organisasi di negara ini, dengan penuh semangat patriotisme berbaris lalu di hadapan pentas diraja bagi menyemarakkan suasana sambutan walau dalam suasana cuaca hujan lebat.

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

WBC sertai Kejohanan Boling Padang Pairs Antarabangsa

Berita dan Foto : Ihsan Kelab Boling Padang Wisdom

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Februari. - Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) terus memberikan peluang kepada pemain-pemainnya untuk bertanding dalam kejohanan boling padang, sama ada di peringkat serantau dan juga Borneo.

Kali ini, WBC akan menghantar tiga pasukan untuk berentap di Kejohanan Boling Padang Pairs Antarabangsa sempena Hari Wilayah yang akan berlangsung pada 24 hingga 26 Februari ini di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

Tiga pasukan yang merangkumi enam pemain itu digabungkan terdiri daripada kalangan pemain senior dan junior, yang diadun menjadi ramuan terbaik sebagai langkah untuk memberikan saingan yang berbeza pada kejohanan kali ini.

Baru-baru ini Presiden WBC, Haji Johari bin Awang Achee yang tidak pernah putus-putus memberikan sokongan moral dan material kepada ahlinya, sekali lagi telah berkesudian memberikan sumbangan peribadi beliau kepada pemain yang akan menyertai kejohanan itu nanti.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut berlangsung pada hari terakhir latihan para pemain di Pusat Boling Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Selaku Presiden pertama sejak kelab ini ditubuhkan pada tahun 2012, Haji Johari tidak pernah gagal untuk menyerlahkan komitmen dan dedikasi beliau kepada ahli-ahli WBC, bahkan sentiasa menyuntik semangat dan moral pemain untuk terus mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

Turut hadir menyaksikan majlis penyerahan tersebut ialah Timbalan Presiden Ke-II WBC, Haji Mohd. Taha bin Haji Mohd. Tahir dan Ketua Jurulatih WBC, Haji Abdul Ghafar bin Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Setia Haji Mohd. Taha.

Dalam ucapan ringkas Presiden WBC, Haji Johari menegaskan agar para pemain mengutamakan disiplin dan menjaga nama baik negara, di samping berusaha untuk mempamerkan prestasi terbaik semasa pertandingan.

"Dengan berbekalkan semangat Hari Kebangsaan Ke-33 ini nanti semangat patriotik pemain akan bertambah, didoakan juga mereka akan beroleh kejayaan yang membanggakan sekali gus mengharumkan nama negara," ujar beliau.

PRESIDEN WBC, Haji Johari bin Awang Achee (kiri) menyerahkan sumbangan kepada pemain yang akan menyertai Kejohanan Boling Padang Pairs Antarabangsa sempena Hari Wilayah di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. Hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Timbalan Presiden Ke-II WBC, Haji Mohd. Taha bin Haji Mohd. Tahir dan Ketua Jurulatih WBC, Haji Abdul Ghafar bin Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Setia Haji Mohd. Taha.

Dua peserta negara menyerlah di Johor

AWANG Mohammad Syahrul Nizam bin A. Hamidun dan Awang Mohammad Nazrol Nizam bin A. Hamidun bersama Timbalan Setiausaha Agung PEKIKIK, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi meraikan kejayaan menaikkan Rokkako dengan mendapat markah penuh 20 / 20.

Berita dan Foto : Ihsan Persatuan Kikik Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 24 Februari. - Peserta kikik negara yang diwakili oleh dua orang belia, iaitu Awang Mohammad Syahrul Nizam bin A. Hamidun dan Awang Mohammad Nazrol Nizam bin A. Hamidun yang beraksi dalam Pertandingan Menaikkan Rokkako telah mendapat markah 20 / 20 dan Pertandingan Menaikkan Wau Bulan mendapat markah 15 / 20.

Menurut Siaran Akhbar Persatuan Kikik Negara Brunei Darussalam (PEKIKIK), mereka menyertai Pesta Layang-Layang Sedunia Ke-22 di Pasir Gudang Johor, Malaysia.

Rombongan diketuai oleh Yang Di-Pertua PEKIKIK, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad.

Menurut Pengurus Belia, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi yang juga selaku Timbalan Setiausaha Agung PEKIKIK menyatakan, berpuas hati dengan komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh kedua-dua peserta walaupun mereka tidak pernah menjalani latihan menaikkan Rokkako dan Wau di Brunei Darussalam.

Beliau amat berbangga kerana amanah dari PEKIKIK telah ditunaikan dan peserta yang dipilih tidak mengecewakan malahan dapat mengharumkan nama negara.

Dengan harapan pada masa-masa akan datang, PEKIKIK amat memerlukan ahli-ahli yang terdiri daripada belia untuk menjadi ahli persatuan yang sentiasa bersedia untuk menyertai mana-mana undangan dari luar negara.

Tahukah Awda

BERSEMPENA dengan Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta pada Isnin, 9 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan 5 Oktober 1992 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menitahkan penubuhan sebuah Yayasan yang dikenali dengan nama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan di bawah satu akta yang digelar Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggal 166). Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan berasaskan pada lima tujuan, iaitu Ugama, Kebajikan, Pendidikan, Pembangunan dan Kewangan.

SUMBER : Laman sesawang Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah *http://www.yshhb.org.bn*.

ePaper Pelita Brunei

دتربيتكن اوله جباتن ڤنراڠن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقئن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.